

"DARI Abi Hurairah Radhiallahuanhu berkata : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesiapa berbuka satu hari pada bulan Ramadan tanpa ada *rukhsah* (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat menggantikan puasa yang ditinggalkan itu, sekalipun dia berpuasa seumur hidup".
- (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.13 | DUHA 6.36 | ZUHUR 12.21 | ASAR 3.31 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.37

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 46

16 APRIL 2025 / 1446 شوال 17

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap His Royal Highness Prince Faisal bin Al-Hussein, President of the Jordan Olympic Committee yang berada di negara ini dari 13 hingga 16 April 2025.
- Foto : Mohammad Hasif Matzin (*Lihat muka 3*).

Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan Yang Amat Berbahagia Tun Datin Jeanne binti

Abdullah, isteri kepada Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Dato Laila Utama Abdullah bin Haji Ahmad Badawi berikutan dengan kembalinya ke rahmatullah Yang Amat Berbahagia Tun Dato Laila Utama Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Ketengahkan projek inovatif menggabungkan ajaran Islam, teknologi moden

Oleh : Khartini Hamir

GADONG, Selasa, 15 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Teknologi Islam (FTI) pagi tadi menganjurkan Hari Inovasi UNISSA 2025 bagi meraikan kreativiti, teknologi dan inovasi berpaksikan nilai-nilai Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Pegawai Eksekutif Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Awang Radin Sufri bin

Radin Basiuni.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal bersama Pemangku Timbalan Rektor; Penolong-penolong Rektor; pegawai-pegawai utama UNISSA serta warga akademik UNISSA.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Dekan FTI,

UNISSA, Dr. Dayang Hajah Tiawa binti Awang Haji Hamid menzahirkan penghargaan kepada pengurusan tertinggi UNISSA atas sokongan berterusan terhadap pembangunan inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga universiti.

>> Muka 5



Berita Utama



INNOVFEST ketengahkan hasil kerja, prototaip berpotensi dikomersialkan

Muka 6



SEKOLAH Menengah Sultan Hassan raikan pelajar cemerlang

Muka 9



TINGKATKAN kesedaran tentang bahaya penggunaan tembakau, vape

Muka 11



MEMAHAMI jejak digital, impaknya kepada pengguna

Muka 19

Sambut Aidilfitri dengan mengikut syariat agama Islam

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita meraikan hari kemenangan umat Islam, Hari Raya Aidilfitri, dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Aidilfitri seharusnya kita sambut dengan mengikut syariat agama Islam, antaranya untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan silaturahmi, bemula dari peringkat keluarga, jiran tetangga, rakan taulan dan masyarakat pada amnya.

Amalan yang baik ini perlu diteruskan untuk menyuburkan lagi perpaduan dan sikap hormat-menghormati serta amalan bantu-membantu di kalangan masyarakat kita.

Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberikan contoh terbaik dalam meraikan Aidilfitri dengan cara Baginda itu berangkat ke masjid bagi menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri dan kembali ke rumah dengan melalui jalan-jalan berbeza, supaya Baginda dapat berjumpa dengan ramai orang dan sekali gus dapat bersilaturahmi dengan mereka.

Beta menyambut baik tema Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan beta pada tahun ini iaitu 'Perpaduan Masyarakat Dalam Mencapai Aspirasi Negara'. Perpaduan memang sangat penting dalam memastikan negara aman dan harmoni serta pembangunan dapat berjalan lancar dan berjaya.

Kerana itu adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memelihara dan mengekalkan keamanan dan keharmonian itu.

Beta sangat mengalu-alukan kehadiran para peserta yang terdiri daripada beberapa kumpulan masyarakat yang dilihat memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Usaha dan inisiatif mereka ke arah memperkasa pembangunan ini amatlah dihargai.

Tidak dinafikan, zaman yang kitaalui sekarang, telah dan sedang mempengaruhi sebahagian besar dari gaya hidup kita. Namun kita tetap dituntut untuk mengekalkan tradisi sosial yang diwarisi sejak turun-temurun. Ia tidak boleh lenyap dalam era dan arus moden.

Sikap dan nilai *berawar galat* orang Brunei, saling hormat-menghormati, sayang-menyayangi, bertolak-ansur dan saling bantu-membantu adalah perlu dikekalkan, tidak boleh sumbing, apatah lagi hilang.

Dalam masa yang sama, kita juga tidak dapat menyangkal kesan globalisasi terhadap pembangunan dan sosioekonomi. Di sinilah perlunya ketua-ketua masyarakat dari pelbagai peringkat untuk mengambil



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Sabtu, 13 Syawal 1446 Hijrah / 12 April 2025 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

langkah-langkah positif dengan mengadaptasi kemajuan lebih berkesan untuk negara.

Semua diambil kira mengikut aliran zaman dan pendekatan-pendekatan juga hendaklah praktikal serta bersesuaian.

Beta ingin melihat semua usaha dapat

diperluaskan melalui program-program lebih teratur dan berkesan untuk membawa negara mencapai kemajuan yang sempurna sebagaimana dihasratkan oleh Wawasan Brunei 2035.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	RABU	17	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	KHAMIS	18	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
18	JUMAAT	19	4.44	4.54	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
19	SABTU	20	4.43	4.53	6.12	6.35	12.20	3.32	6.27	7.37
20	AHAD	21	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37
21	ISNIN	22	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37
22	SELASA	23	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

16 APRIL 2025

Raikan Syawal dengan penuh kesyukuran

SYAWAL merupakan bulan kemenangan bagi umat Islam setelah menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan. Ia bukan sekadar bulan untuk meraikan Hari Raya dengan juadah yang enak dan pakaian baharu tetapi juga merupakan masa untuk menginsafi diri, mensyukuri segala nikmat serta memperkukuh silaturahmi antara sesama insan.

Tidak terasa hampir dua minggu sudah kita meraikan Hari Raya Aidilfitri. Dalam kegembiraan kita menyambut Hari Raya, kita seharusnya tidak melupakan hakikat sebenar Syawal. Ia adalah simbol kejayaan rohani, bukti kekuatan iman dan ketabahan hati dalam menunaikan perintah Allah.

Oleh itu, kita harus raikan Syawal dengan penuh kesyukuran, bukan dengan pembaziran atau bermegah-megah tetapi dengan rendah hati dan rasa penuh syukur kepada-Nya.

Antara cara kita bersyukur itu adalah dengan memperbanyakkan amalan baik seperti menziarahi saudara-mara, memohon maaf sesama Islam serta memberi sedekah kepada golongan yang memerlukan. Di samping itu, Sembahyang Sunat Aidilfitri dan takbir raya adalah sebahagian daripada ibadah yang melambangkan rasa syukur kita terhadap nikmat Ramadan yang telah berlalu.

Justeru, jadikanlah sambutan Aidilfitri sebagai matlamat kita dalam memulakan langkah baharu untuk menjalani kehidupan yang lebih baik menurut aturan syariat demi meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Kita juga diingatkan agar tidak melampaui batas syariat sehingga menyebabkan segala ganjaran kebaikan yang telah dilakukan dalam bulan Ramadan menjadi sia-sia.

Syawal juga menjadi masa yang sesuai untuk memperbaharui niat dan azam dalam memperbaiki diri, bukan sekadar dari segi rohani, malah dalam hubungan kekeluargaan dan kehidupan bermasyarakat.

Selain itu, kita juga disarankan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi sesama ahli keluarga dan sanak saudara dengan amalan ziarah menziarahi dan saling bermaaf-maafan bagi mengukuhkan lagi tali persaudaraan antara satu sama lain. Hal ini selari dengan anjuran Islam agar umatnya sentiasa memupuk nilai kasih sayang dan kemesraan sesama insan, terutamanya kepada ibu bapa, kaum keluarga, saudara-mara, jiran tetangga, sahabat handai dan masyarakat yang ada di sekeliling kita.

Kesimpulannya, raikanlah Syawal dengan penuh kesyukuran. Hargailah setiap detik bersama keluarga, eratkan hubungan sesama manusia dan terus mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Na)**


Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap His Royal Highness Prince Faisal bin Al-Hussein, President of the Jordan Olympic Committee.

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap His Royal Highness Prince Faisal bin Al-Hussein, President of the Jordan Olympic Committee yang berada di negara ini dari 13 hingga 16 April 2025, petang tadi.

Pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan His Royal Highness President of the Jordan Olympic Committee mengesahkan kembali hubungan akrab di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kerajaan Hasyimiah Jordan dalam bidang-bidang berkepentingan bersama seperti pendidikan dan pertukaran aktiviti sukan serta kebudayaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menzahirkan penghargaan terhadap komitmen Jordan dalam memberi sokongan kepada Palestin, melalui usaha-usaha kemanusiaan dan menjadi pengantara dalam perjanjian gencatan senjata.

Juga berangkat semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Dato Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus.

His Royal Highness President of the Jordan Olympic Committee berada di negara ini bagi menghadiri The 2nd Olympic Council of Asia (OCA) Gender Equity Seminar yang diadakan pada 12 hingga 16 April 2025.

Seminar berkenaan bertujuan untuk membincangkan inisiatif-inisiatif strategik yang menggalakkan keseksamaan jantina, memperkasa perempuan dan wanita di semua peringkat sukan dan menghapuskan sekatan dalam kalangan komuniti sukan.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP MENTERI PERTAHANAN REPUBLIK INDONESIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Yang Terhormat Letnan Jendral TNI (Purn.) Dr. Sjafrie Sjamsoeddin di Istana Nurul Iman (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Indonesia,

Yang Terhormat Letnan Jendral TNI (Purn.) Dr. Sjafrie Sjamsoeddin.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.



Menyertai Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Yang Terhormat Letnan Jendral TNI (Purn.) Dr. Sjafrie Sjamsoeddin ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan, Republik Indonesia.

NBD dan Republik Indonesia telah menjalin hubungan dua hala yang rapat dan mesra yang diperkukuhkan melalui hubungan diplomatik lebih dari empat dekad.

Salah satu pencapaian penting dalam hubungan ini adalah penubuhan kerjasama dalam

bidang pertahanan, yang telah dimeterai melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman dalam Kerjasama Pertahanan pada 10 April 2003.

Kedua-dua buah negara telah mengukuhkan hubungan dua hala ketenteraan melalui pelbagai kerjasama termasuk pertukaran lawatan di peringkat tinggi, Mesyuarat - mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pertahanan Bersama dan BRUNESIA High Level Committee, latihan ketenteraan bersama, pertukaran program kursus serta aktif dalam kerjasama pelbagai hala khususnya dalam Mesyuarat Menteri - menteri Pertahanan ASEAN (ADMM).

Ini adalah lawatan pertama Yang Terhormat sejak dilantik menjadi Menteri Pertahanan Republik Indonesia pada 21 Oktober 2024 yang lalu.

Yang Terhormat dan rombongan meninggalkan Negara Brunei Darussalam pada malam 15 April 2025.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bergambar ramai.

MENERIMA MENGADAP PESURUHJAYA TINGGI INDIA KE NBD



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri yang akan menamatkan perkhidmatan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin

menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri yang akan menamatkan

perkhidmatan, petang tadi yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini. Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri telah

menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

12 peserta musabaqah bakal bertanding pada peringkat akhir

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut, iaitu pada Selasa, malam Rabu, Rabu malam Khamis, dan Khamis malam Jumaat, 24, 25 dan 26 Syawal 1446 Hijrah bersamaan 22, 23 dan 24 April 2025 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, bermula

jam 7.15 malam.

Peserta qari yang akan bertanding di Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M ialah Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, Awang Haji Hazwan bin Haji Salim, Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd. Rajid, dan Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya.

Manakala peserta qariah ialah Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki, Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat, Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri, Dayang Nur Rodaah binti Haji Asmat dan Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri.

Tema musabaqah pada tahun ini ialah 'Akal Sihat Dengan Al-Quran'.

Musabaqah kali ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Brunei Shell Marketing Co. Sdn. Bhd.

Semoga kita semua beroleh

syafaat Al-Quran dan pengajaran-Nya serta rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun
PenggunaBijak



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan (Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif

BARU

KEMENTERIAN PERTAHANAN TERIMA LAWATAN RASMI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KETIBAAN Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Yang Terhormat Letnan Jenderal TNI (Purn.) Dr. Sjafrie Sjamsoeddin disambut oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, Menteri Pertahanan Republik Indonesia memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei.



BOLKIAH GARRISON, Selasa, 15 April. - Kementerian Pertahanan hari ini menerima Lawatan Rasmi daripada Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Yang Terhormat Letnan Jenderal TNI (Purn.) Dr. Sjafrie Sjamsoeddin.

Lawatan tersebut merupakan lawatan pertama ke Negara Brunei Darussalam sejak Yang Terhormat menjawat jawatan selaku Menteri Pertahanan Republik Indonesia.

Sejurus tiba di Kementerian Pertahanan, Yang Terhormat Letnan Jenderal TNI (Purn.) Dr. Sjafrie Sjamsoeddin disambut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan menerima

Tabik Hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Yang Terhormat Letnan Jenderal TNI (Purn.) Dr. Sjafrie Sjamsoeddin seterusnya mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak menyatakan rasa puas hati terhadap hubungan pertahanan dan ketenteraan yang erat dan semakin berkembang antara kedua-dua buah negara serta menekankan kepentingan mengekalkan dan meningkatkan kerjasama yang kukuh.

Mereka juga berbincang mengenai isu-isu berkaitan keamanan dan keselamatan serantau dan global.

Ketengahkan projek inovatif menggabungkan ajaran Islam, teknologi moden

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Inovasi katanya lagi, bukan sekadar teknologi terkini tetapi ia adalah tentang menyelesaikan masalah sebenar, berfikir secara kreatif dan berpandukan nilai serta tanggungjawab sebagai seorang Muslim.

Acara berkenaan turut menampilkan ucapatama yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi A2Tech Sdn. Bhd. Dari Malaysia, Muhammad Hazwan Abdul Hafidz, iaitu sebuah syarikat *spin-off* di bawah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi sesi perkongsian pandangan mengenai

inovasi dan keusahawanan teknologi.

Dalam ucapatamanya, Muhammad Hazwan berkongsi perjalanan penyelidikan PhD beliau dalam bidang teknologi robotik dan Kecerdasan Buatan (AI) yang telah menghasilkan beberapa penerbitan berimpak tinggi di peringkat antarabangsa.

Ini tambahnya, sekali gus membuka peluang untuk mengembangkan penyelidikan beliau dan berjaya menghasilkan produk teknologi yang berpotensi tinggi hingga ke tahap pengkomersialan melalui penubuhan syarikat *spin-off*

di bawah UTM. Melalui kepakaran dan usaha gigih, beliau juga berjaya meraih pelbagai geran penyelidikan daripada agensi kerajaan dan swasta, khusus dalam bidang pembangunan teknologi robotik dan AI.

Ucapatamanya juga memfokuskan kepada potensi penyelidikan dan aplikasi teknologi dalam bidang Internet of Things (IoT) dan biodiversiti, yang menekankan peranan teknologi dalam menyokong pembangunan mampan serta penyelesaian inovatif untuk cabaran alam sekitar masa kini.

Perkongsiannya turut memberi inspirasi dan pendedahan yang amat bermakna kepada para pelajar UNISSA, khususnya pelajar FTI tentang bagaimana penyelidikan akademik boleh dikembangkan menjadi produk atau perkhidmatan yang memberi impak kepada masyarakat dan industri.

Hari Inovasi UNISSA 2025 turut mengetengahkan projek - projek

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Teknologi Islam (FTI) semasa menganjurkan Hari Inovasi UNISSA 2025.



KETUA Pegawai Eksekutif Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Awang Radin Sufri bin Radin Basiuni hadir selaku tetamu kehormat majlis.

inovatif hasil penyelidikan pelajar dan pensyarah FTI, yang menggabungkan ajaran Islam dengan teknologi moden seperti AI, robotik, dan media digital.

Turut dikongsikan ialah sumbangan tokoh-tokoh ilmuwan Islam terdahulu seperti Al-Khawarizmi, Al-Jazari, Ibn Sina, Al-Kindi dan Al-Farabi, yang menjadi asas kepada teknologi hari ini.

Acara Hari Inovasi UNISSA 2025 berkenaan juga telah menjemput beberapa industri yang terdiri daripada Brunei Cybersecurity

Association (BCSA), Brunei Innovation Lab (BIL) dan Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC).

Dalam salah satu sesi Hari Inovasi UNISSA 2025, Presiden BCSA, Awang Mohammad Azad Zaki bin Haji Mohd. Tahir, dan wakil daripada BCSA juga turut menyampaikan Industrial Talk kepada para hadirin.

Acara berkenaan merupakan bukti komitmen UNISSA dalam melahirkan graduan yang bersedia menghadapi cabaran masa depan, serta berinovasi dengan etika dan berpandukan nilai-nilai Islam.



INNOVFEST KETENGAHKAN HASIL KERJA, PROTOTAIIP BERPOTENSI DIKOMERSIALKAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK. Isnin, 14 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) melancarkan Innovation Festival 2025, juga dikenali sebagai InnovFest, sebuah festival inovasi dan keusahawanan selama empat hari yang dianjurkan oleh Pejabat Penolong Naib Canselor Pejabat Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan (Industry Engagement and Enterprise Development - IEED). InnovFest 2025 menghimpunkan para pelajar, para penyelidik, pakar industri, ahli-ahli keusahawanan dan orang awam dalam meraikan idea dan kreativiti bersama melalui jaringan kolaborasi dan pembangunan keusahawanan yang mampan. Dalam ucapan pembukaannya, Penolong Naib Canselor (IEED), Dr. Haji Masairol bin Haji Masri, menjelaskan bahawa InnovFest 2025 merupakan penjenamaan semula kepada Festival Inkubasi yang diadakan sebelum ini.

Menurutnya, penjenamaan berkenaan dibuat bagi mencerminkan misi yang lebih luas, iaitu mewujudkan platform yang inklusif yang mengalu-alukan penyertaan pelajar daripada semua fakulti, penyelidik pascasiswazah, tenaga akademik, serta pemegang taruh industri untuk mempamerkan inovasi, prototaiip, dan penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Dr. Haji Masairol turut menekankan bahawa penilaian pelajar bagi InnovFest 2025 adalah berdasarkan kepada

piawai antarabangsa, seperti Babson Global Student Challenge Rubric, yang mengukuhkan komitmen UBD untuk sejajar dengan amalan terbaik global dalam pendidikan keusahawanan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Festival berkenaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Naib Canselor yang menekankan bahawa InnovFest 2025 dipandu oleh Pelan Induk Keusahawanan UBD, iaitu visi jangka panjang untuk menjadikan UBD sebagai pemangkin inovasi dan pembangunan ekonomi dalam pendidikan, penyelidikan dan penglibatan masyarakat.

Dalam ucapannya, Naib Canselor turut menekankan pengiktirafan global yang berprestij baru-baru ini, iaitu 2025 Babson Collaborative Spotlight Award yang berlangsung di Paris, yang telah dianugerahkan kepada IEED dan Pasukan Pengurusan Keusahawanannya.

Beliau turut menegaskan bahawa UBD merupakan institusi pertama di Asia yang menerima pengiktirafan ini, sekali gus membuktikan komitmen UBD dalam memupuk kepimpinan, kerjasama, dan semangat berpasukan.

Majlis diteruskan dengan lawatan ke ruang dan petak pameran projek. Sepanjang InnovFest 2025 berlangsung, para pelajar UBD yang mengikuti

program seperti Discovery Year U-beyond Incubation, Venture Lab, dan Entrepreneurship for Digital Scientists mempamerkan hasil kerja mereka kepada khalayak ramai, khususnya kepada para akademik dan industri.

Acara berkenaan turut menampilkan Pameran Projek Penyelidikan, yang memperlihatkan hasil penyelidikan terkini dan model inovatif oleh para pensyarah serta pelajar pascasiswazah UBD, sekali gus membuka peluang untuk pertukaran ilmu, kerjasama merentas sektor dan penglibatan awam terhadap penyelidikan semasa universiti.

Selain pameran projek, InnovFest 2025 turut menampilkan pengisian program dinamik termasuk bengkel keusahawanan untuk para pelajar sekolah-sekolah dan kolej-kolej yang berkunjung, sesi ceramah perniagaan bersama tokoh-tokoh permulaan (*startup*) yang dikenali di Negara Brunei Darussalam, serta Sesi Ceramah Pemimpin Peniaga Muda. Stesen Spark and Create pula menyediakan aktiviti interaktif untuk para peserta yang lebih muda seperti permainan pendidikan, stesen seni dan *treasure hunt* bertemakan keusahawanan, antara lain bertujuan untuk menyemai minat dan ilham kepada generasi akan datang.

Pameran Petak Alumni dan Rakan Industri UBD pula mengetengahkan kerjasama dan inovasi daripada pelbagai sektor, sekali gus menyediakan lebih



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat pada Innovation Festival 2025.

banyak peluang untuk jaringan dan kolaborasi.

Sepanjang empat hari festival diadakan, para pengunjung diberi peluang untuk meneroka, mempelajari dan berhubung dengan para pelajar, pakar-pakar dan pencipta inovasi lain secara bersemuka. Projek-projek yang diketengahkan meliputi pelbagai bidang industri termasuk teknologi, penjagaan kesihatan, perkhidmatan alam sekitar, keselamatan siber dan pertanian yang mencerminkan kreativiti serta kebolegunaan dalam dunia sebenar.

InnovFest 2025 menjadi platform bagi mahasiswa dan mahasiswi dalam program keusahawanan dan inovasi UBD untuk

mengetengahkan hasil kerja mereka dalam usaha membangun dan mencipta prototaiip idea perniagaan.

Turut hadir pada majlis perasmian berkenaan ialah Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI), Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar; pegawai kanan UBD serta para pemegang taruh industri. InnovFest 2025 diadakan dari 14 hingga 17 April 2025 bertempat di Inspiring Hub, UBD, dan dibukakan untuk kunjungan orang ramai.

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini secara langsung, ikuti @ubd.ieed di Instagram atau hubungi office.avc.ieed@ubd.edu.bn.

Kursus Intensif Ibadat Haji, Umrah diteruskan



KURSUS Intensif Ibadat Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas, atas kanan dan bawah kanan).

Oleh : Muhammad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS. Isnin, 14 April. - Sebagai persediaan rohani dan praktikal bagi para jemaah Haji dan Umrah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji, Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah telah mengendalikannya Kursus Intensif Ibadat Haji dan Umrah bagi

Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Kursus lima hari yang bermula hari ini diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU, melibatkan seramai 43 bakal jemaah Haji yang sebelum ini belum berkesempatan menyertai kursus-kursus

berkaitan.

Program tersebut bertujuan memberikan pendedahan menyeluruh daripada segi teori dan praktikal mengenai pelaksanaan Manasik Haji dan Umrah, sebagai bekal ilmu sebelum para jemaah menunaikan ibadat di Tanah Suci.

Kursus berkenaan disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah



Islamiah, Awang Haji 'Abdul Mu'iz bin Haji Amat.

Dengan adanya kursus seperti ini, para peserta diharap dapat

meningkatkan kefahaman dan keyakinan dalam melaksanakan rukun dan wajib haji serta umrah dengan sempurna.

PELANCARAN BUKU KAJIAN SEJARAH

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Pg. Haji Zainal Abidin Pg. Seri Wijaya Pg. Haji Ahmad



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. - Majlis Pelancaran Buku 'Menjejaki Sejarah Yang Dilupakan : Mengungkap Jasamu Yang Tersirat - Riwayat Hidup Pengiran Anak Muhammad Yusof ibni Sultan Muhammad Tajuddin Pemangku Pengiran Bendahara (1836 -1845)' yang ditulis oleh Pengiran Haji Zainal Abidin bin Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad telah berlangsung di kediaman Pengiran Haji Zainal Abidin, baru-baru ini. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail

bin Pengiran Haji Damit. Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada penulis buku di mana beliau mengongsikan penglibatan beliau pertama kali menceburi dalam dunia penulisan sejarah tanah air serta cabaran yang dihadapi. "Setelah menulis buku ini, barulah saya menyedari cabaran, kesukaran dan rintangan yang dihadapi oleh penulis buku-buku sejarah terutama kekurangan bahan rujukan tempatan dan tidak banyak lagi orang tua-tua tempat bertanya. Rujukan demi rujukan

terpaksa dibuat bagi membolehkan saya menilai satu-satu kejadian kerana setiap buku rujukan akan memberikan gambaran cerita yang berbeza walaupun dalam satu kejadian yang sama.

"Saya terpaksa menilai dan mentafsir dua sumber utama, iaitu sumber penulisan tempatan dan sumber penulis Barat di samping dua atau tiga sumber penulisan Barat yang ditulis oleh penulis yang berbeza tetapi menceritakan satu kejadian yang sama," jelasnya. Menurut beliau lagi, perancangan buku ini bermula sejak tahun 2022 dan bahan kajian telah dikumpul selama lebih enam bulan. Dengan semangat yang kental dan tekad yang kuat, Pengiran Haji Zainal Abidin tempuhi semua rintangan dan cabaran yang dihadapi sehingga dapat menyiapkan buku ini pada bulan April 2024 dan dilancarkan pada tahun ini.

Majlis juga diserikan dengan ucapan pelancaran daripada tetamu kehormat dan pembacaan resensi daripada Amin Sirat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz, diikuti dengan menikmati jamuan.

Buku ini merupakan satu kajian



SEKITAR Majlis Pelancaran Buku 'Menjejaki Sejarah Yang Dilupakan : Mengungkap Jasamu Yang Tersirat - Riwayat Hidup Pengiran Anak Muhammad Yusof ibni Sultan Muhammad Tajuddin Pemangku Pengiran Bendahara (1836 -1845)' yang ditulis oleh Pengiran Haji Zainal Abidin bin Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad (atas dan kiri).

sejarah yang berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Omar 'Ali Saifuddin II, iaitu Sultan Brunei Ke-23 (memerintah pada tahun 1828-1852). Bermula dengan menceritakan latar belakang keturunan dan sejarah awal Pengiran Anak Muhammad Yusof ibni Sultan Muhammad Tajuddin serta peranan beliau menentang pengaruh Inggeris dan James Brooke dalam pentadbiran

Kesultanan Brunei pada masa itu dan menangkis aspek negatif yang diketengahkan dalam persejarahan Brunei terutama penulis Barat. Peristiwa penting yang disentuh bermula daripada perpindahan Sultan Omar 'Ali Saifuddin II dan rakyat ke Pulau Keingaran pada 15 Februari 1826 sehinggalah menjurus kepada peristiwa-peristiwa penting yang berlaku ketika itu.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat yang turut menyampaikan hadiah kepada pelajar (atas), manakala gambar kanan, para pelajar yang diraikan.

KATOK, Selasa, 15 April. - Seramai 261 pelajar Sanah 10 Fast Track dan Sanah 11 dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS) telah diraikan dalam Majlis Haflut Al-Takharruj Kali Ke-8, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, SUAMPRIPAHS itu ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim yang

261 pelajar SUAMPRIPAHS diraikan

turut menyampaikan hadiah kepada pelajar yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Abdul Mukmin bin Haji Awang, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengetua SUAMPRIPAHS, Dayangku Aidi Noorintan binti Pengiran Haji Mohamad Zinin selaku Pengerusi Majlis.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada 261 pelajar yang diraikan. Daripada jumlah tersebut, seramai 31 pelajar menerima Hadiah Pelajar Terbaik dalam Peperiksaan Sijil Peperiksaan Ugama Brunei (SPUB) 2024 dan 10 orang pelajar menerima Hadiah Pelajar Terbaik dalam Peperiksaan Brunei General Cambridge Examination 'O' Level Tahun 2024.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik Akademik Aliran Sains; Anugerah Pelajar Terbaik Akademik Aliran Arab; dan Anugerah Pelajar Terbaik Ko-kurikulum dan penyampaian

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



Sijil Penghargaan kepada 35 guru cemerlang yang telah menyumbang kepada kejayaan akademik sekolah berkenaan bagi tahun 2024 serta penyampaian Anugerah Pelajar Mithali bagi tahun 2024.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat oleh tenaga pengajar, Awang Ali Mohamed Moustafa Ali El-Saghir.

Turut hadir, para ibu bapa dan penjaga kepada pelajar-pelajar yang diraikan.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسه دعوه اسلاميه

SLAM sangat memandang berat terhadap soal jimat cermat kerana ia menjadi asas bagi kesejahteraan hidup dan kemakmuran negara. Berjimat cermat dalam segala bidang kehidupan dan keadaan, berjimat cermat dalam perbelanjaan keperluan seharian, berjimat cermat dalam penggunaan api elektrik dan air, berjimat cermat ketika menggunakan kemudahan-kemudahan awam dan sebagainya.

Semua pihak perlu bekerjasama dalam usaha berjimat cermat kerana ia adalah satu tuntutan agama Islam yang sentiasa menyuruh umatnya berjimat cermat dan

Berjimat cermat hidup penuh rahmat, berkat

bersederhana dalam berbelanja sama ada dalam keadaan senang, mewah ataupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi. Lebih-lebih lagi dengan kedatangan bulan Syawal ini yang memerlukan perbelanjaan lebih dari kebiasaannya. Berbelanjalah jika perlu sahaja dan janganlah mengikut hawa nafsu kerana ia merupakan perbuatan keji dan amalan syaitan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa' ayat 26 - 27, yang terjemahannya :

"*Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya*".

Sebagai seorang hamba, sewajarnya kita mensyukuri nikmat yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala. Barang siapa

yang mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, nescaya Dia akan menambah nikmat-nikmat-Nya atas amalan-amalan salih yang dilakukan, namun sekiranya kita kufur nikmat nescaya azab-Nya amat pedih. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 yang terjemahannya :

"*Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras*".

Hari ini, budaya berbelanja mewah di kalangan umat Islam mempengaruhi secara langsung dan tidak langsung gaya hidup masyarakat. Budaya ini bukan sahaja menyerang golongan berpendapatan tinggi malahan juga golongan berpendapatan rendah

sehingga berbelanja secara berlebihan di luar kemampuan. Meniru gaya hidup mewah yang dianggap sebagai suatu kemestian dan lambang kebanggaan sehingga mereka lupa dan berada di luar batasan normal dari segi akhlak dan perbelanjaannya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqaan, ayat 67, yang terjemahannya :

"*Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya*".

Sama-samalah kita berjimat cermat demi mengharapkan kerahmatan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Waktu Sunat Melakukan al-Idhthiba'

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

AL-IDHTHIBA' ialah memasukkan bahagian tengah kain *rida'* (selendang) ihram di bawah ketiak bahu kanan dan membiarkan bahu kanan terdedah, kemudian meletakkan kedua-dua hujung kain tersebut di atas bahu kiri. Menurut Imam Abu Manshur al-Azhari *Rahimahullah*, *al-idhthiba'* juga disebut *at-tawassiyah* atau *at-ta'abbuth*.

Al-idhthiba' merupakan salah satu perkara yang disunatkan ketika mengerjakan tawaf dan menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, makruh hukumnya meninggalkan tuntutan *al-idhthiba'* ini. *Al-idhthiba'* hanya disunatkan ke atas lelaki dewasa dan kanak-kanak lelaki. Adapun perempuan dan khunsa tidak disunatkan *al-idhthiba'*.

Pensyariatan *al-idhthiba'* adalah atas dasar *ittiba'* iaitu mencontohi perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Ibn 'Abbas Radhiallahu 'anhuma berkata :

Maksudnya : Sesungguhnya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dan para sahabat Baginda melakukan umrah dari *Ji'ranah*, maka mereka melakukan *ar-raml* (berjalan cepat dengan langkah yang pendek) mengelilingi *al-Bait* (Ka'bah) dan mereka meletakkan kain (ihram) mereka di bawah ketiak (kanan) mereka (dan) mereka melemparkannya (hujung kain) ke atas bahu kiri mereka.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Mengenai perkara *al-idhthiba'* ini,

terdapat kekeliruan di kalangan orang ramai mengenai bila ia disunatkan. Ada yang beranggapan bahawa *al-idhthiba'* disunatkan ketika tawaf sahaja dan tidak disunatkan ketika sa'i. Ada pula yang beranggapan bahawa *al-idhthiba'* disunatkan pada kedua-dua tawaf dan sa'i. Bahkan terdapat juga sebahagian orang yang beranggapan bahawa *al-idhthiba'* disunatkan bermula dari ihram sehingga selesai manasik. Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan bila sebenarnya *al-idhthiba'* itu disunatkan.

Al-idhthiba' hanya disunatkan dalam setiap tawaf yang disunatkan padanya *ar-raml*. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* :

Ertinya : Dan yang kelimanya (daripada perkara-perkara yang disunatkan ke atas orang yang tawaf) ialah melakukan *al-idhthiba'* (khusus bagi) lelaki sekalipun kanak-kanak pada keseluruhan (pusingan) setiap tawaf yang dia (disunatkan) melakukan *ar-raml* padanya.

Ar-raml disunatkan pada tawaf yang diikuti dengan sa'i seperti tawaf Umrah dan tawaf *al-'Ifadhah*. Pada kedua tawaf ini disunatkan *al-idhthiba'*. Manakala pada tawaf-tawaf yang tidak diikuti dengan sa'i seperti tawaf sunat atau tawaf *al-Wada'* tidak disunatkan *al-idhthiba'*.

Sekalipun *al-idhthiba'* dan *ar-raml* disunatkan secara beriringan, terdapat satu perbezaan di antara keduanya iaitu *al-idhthiba'* disunatkan pada setiap pusingan tawaf manakala *ar-raml* pula hanya disunatkan pada tiga pusingan tawaf yang pertama sahaja.

Dalam tuntutan *al-idhthiba'*, sekalipun ia

hanya disunatkan dalam tawaf-tawaf yang disunatkan padanya *ar-raml*, namun tidak menjadi syarat bahawa seseorang itu melakukan *ar-raml* untuk membolehkannya melakukan *al-idhthiba'*. Bahkan *al-idhthiba'* tetap sunat dilakukan sekalipun tanpa melakukan *ar-raml*.

Selain disunatkan dalam tawaf-tawaf tertentu, *al-idhthiba'* juga disunatkan ketika sa'i dari permulaan sa'i hingga selesai. Berkenaan hal ini, Imam ar-Ramli *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* :

Ertinya : Dan demikian juga (disunatkan) dia melakukan *al-idhthiba'* ketika sa'i menurut pendapat *ash-shahih*.

Bagi orang yang mengerjakan sembahyang selepas mengerjakan tawaf, umpamanya selepas selesai mengerjakan tawaf dia hendak mengerjakan sembahyang sunat Tawaf, adakah disunatkan atau dibolehkan dia mengerjakan sembahyang sunat Tawaf tersebut dalam keadaan *al-idhthiba'*?

Menurut pendapat *al-ashah* dalam mazhab *asy-Syafi'i*, tidak disunatkan *al-idhthiba'* ketika mengerjakan sembahyang kerana *al-idhthiba'* itu sendiri adalah dimakruhkan ketika mengerjakan sembahyang. Oleh yang demikian, orang yang mengerjakan tawaf dalam keadaan *al-idhthiba'* hendaklah dia terlebih dahulu menutup bahu kanan yang terdedah itu ketika hendak mengerjakan sembahyang sunat Tawaf atau mana-mana sembahyang yang hendak dikerjakannya kemudian kembali melakukan *al-idhthiba'* untuk mengerjakan sa'i.

Jika seseorang meninggalkan *al-idhthiba'* pada permulaan tawaf atau



IRSYAD HUKUM

جَانِبٌ مِّنْ كُلِّ جَانِبٍ
جَانِبٌ مِّنْ كُلِّ جَانِبٍ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

meninggalkannya pada pertengahan tawaf, adakah luput tuntutan *al-idhthiba'* itu daripadanya?

Menurut Imam al-Mawardi *Rahimahullah* dan para *al-Ashhab*, (ulama *asy-Syafi'iyyah* yang dahulu yang terkemuka), tuntutan *al-idhthiba'* tidak luput sekalipun ditinggalkan pada sebahagian pusingan tawaf, bahkan *al-idhthiba'* tetap sunat dilakukan pada baki pusingan tawaf tersebut. Begitu juga *al-idhthiba'* tetap sunat dilakukan ketika sa'i sekalipun ia ditinggalkan ketika tawaf.

Demikian penjelasan mengenai dengan waktu yang sunat melakukan *al-idhthiba'*.

Zahir rasa kesyukuran, kegembiraan melalui Sambutan Hari Raya



YANG Dipertua Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei Madang, Haji Awang Abdul Alim bin Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa sesi bergambar ramai.

Berita dan Foto : Ihsan Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei Madang

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 April. - Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei Madang (STJ PGGMB Madang) mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, pagi tadi. Sambutan berkenaan diadakan sebagai menzahirkan rasa kesyukuran dan kegembiraan setelah berjaya mengharungi cabaran di dalam bulan suci Ramadan.

Di samping itu, sambutan

berkenaan dapat mengetengahkan bakat dan potensi murid-murid dalam persembahan yang mereka ikuti dan seterusnya mengeratkan silaturahim serta komunikasi sesama warga sekolah.

Majlis diisikan dengan bacaan Doa Selamat, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', lagu sekolah, ucapan alu-aluan daripada Pemangku Guru Besar STJ PGGMB Madang,

persembahan lagu-lagu Hari Raya, lakonan dari Kindergarten 1, Kindergarten 2 dan Kindergarten 3 serta murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6 dan penyampaian hadiah terbaik dan pakaian tercantik kepada murid-murid.

Hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis berkenaan, Yang Dipertua PGGMB, Haji Awang Abdul Alim bin Haji Awang Othman, selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Timbalan Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Badar bin Haji Mohd. Ali;



Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

- Tekanan darah tinggi
- Kolesterol tinggi
- Kencing manis
- Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

- Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular**
Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perantaraan berterusan di pusat kesihatan atau klinik poliklinik di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.
- Pemeriksaan kanser kolorektal**
Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50 - 65 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.
- Pemeriksaan kanser payudara**
Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 - 45 tahun; dan
2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.
- Pemeriksaan kanser serviks**
Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 25 - 65 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu
www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

Pengerusi Tetap PGGMB, Awang Haji Jamal bin Haji Kahar; Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Setiausaha Kewangan PGGMB, Awang Haji Juned bin Haji Ramli; Timbalan Setiausaha Agung (Dalam Negeri PGGMB), Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji

Mohammad; Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri PGGMB), Awang Haji Yahya bin Haji Mirasan; Guru Besar STJ PGGMB Madang, Dayang Suraimah binti Kawi; guru-guru, kakitangan sekolah dan murid-murid Sekolah Tunas Jaya, Madang.

SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASSAN RAIKAN PELAJAR CEMERLANG



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

TEMBURONG, Isnin, 14 April. - Seramai 37 pelajar dari Sekolah Menengah Sultan Hassan telah diraikan atas pencapaian akademik mereka dalam Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Tahunan sekolah bagi BCGCE 'O' Level dan IGCSE untuk tahun 2024.

Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin hadir sebagai tetamu kehormat.

Semasa majlis tersebut, Pengetua sekolah berkenaan, Awang Helmy bin Haji Abdul Rahman telah menyampaikan ucapan, diikuti dengan ucapan yang disampaikan oleh Awang Muhammad Wafri bin Zulhari selaku wakil pelajar bagi kohort 2024.

Sebanyak lima kategori anugerah telah disampaikan kepada para pelajar oleh

Pengetua, Timbalan Pengetua Akademik dan Timbalan Pengetua Pentadbiran masing-masing.

Bagi Kategori 5 hingga 6 Kredit, anugerah disampaikan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran, Awang Ziad bin Haji Kula.

Sementara Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Vivian Leong Hui Yun menyampaikan anugerah bagi pelajar yang memperoleh Kategori 7 Kredit dan Ke Atas dan Pengetua menyampaikan anugerah bagi Kategori Pelajar



SUASANA Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Tahunan sekolah bagi BCGCE 'O' Level dan IGCSE untuk tahun 2024 yang diadakan di Sekolah Menengah Sultan Hassan (atas dan kiri).

Terbaik Mengikut Mata Pelajaran dan Kategori Pelajar Terbaik Mencapai A* dalam Combined Science dan Mathematics D kepada dua orang pelajar.

Anugerah Kategori Pelajar Top 5 pula disampaikan oleh tetamu kehormat sekali gus bersama penyampaian anugerah bagi Kategori Pencapaian Guru Individu Terbaik kepada sembilan guru serta Kategori Anugerah Impak

Tiga Tahun kepada empat orang guru.

Pada akhir majlis, Pengetua sekolah menyampaikan Anugerah Pengetua yang berprestij kepada Dayang Nur Syahirah Amani binti Muhammad Nur Ariffin, sebagai pengiktirafan pencapaian akademik cemerlang beliau dan penglibatan aktif dalam aktiviti kurikulum di dalam sekolah dan luar sekolah.

UNISSA adakan Taklimat Kerjaya PSC



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) telah menganjurkan Taklimat Kerjaya PSC dengan kerjasama Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), bertempat di Ruang Latihan Tingkat 4, Wing B, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, baru-baru ini.

Taklimat telah dihadiri oleh

seramai 43 peserta yang terdiri daripada pelajar dan Alumni UNISSA.


Program bertujuan untuk memberikan pendedahan menyeluruh tentang laluan kerjaya dalam sektor kerajaan serta membantu peserta memahami proses, kriteria, dan keperluan permohonan bagi menyertai perkhidmatan awam di Negara Brunei Darussalam.

Taklimat kerjaya ini disampaikan

oleh Pegawai Kerja di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Dayang Norefnah binti Abdullah.

Beliau berkongsi tatacara pendaftaran dan penggunaan platform PSC Recruitment 2.0 iaitu sistem dalam talian yang digunakan untuk permohonan jawatan dalam sektor perkhidmatan awam.

Antara sesi yang dikongsikan adalah mengenai tip dan nasihat berguna berkaitan ujian bertulis dan sesi temu duga, termasuk persediaan mental, strategi



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) semasa menganjurkan Taklimat Kerjaya PSC dengan kerjasama Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (atas dan atas kiri).

menjawab soalan, serta aspek tingkah laku dan etika yang perlu ditekankan semasa proses pemilihan.

Hasil taklimat ini diharapkan dapat menjadi platform awal yang

berguna bagi para pelajar dan alumni UNISSA untuk merancang hala tuju kerjaya mereka, seterusnya berkhidmat kepada negara dengan penuh komitmen dan integriti.

SAMBUTAN HARI RAYA ERATKAN UKHUWAH, SEMANGAT KERJASAMA

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Takmir Masjid Universiti Brunei Darussalam

GADONG, Selasa, 15 April. - Ahli Takmir Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini di The Rizqun Coffee House.

Majlis berkenaan dihadiri oleh jemaah masjid dan isteri serta keluarga bagi merayakan suasana

kemeriahan Aidilfitri dalam suasana harmoni dan penuh muhibah.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Tahlil dan Doa Arwah untuk salah seorang ahli keluarga jemaah oleh Imam Masjid UBD, Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji

Serbini.

Tema pakaian pada sambutan berkenaan ialah 'Hari Raya Ala Kampung' yang menonjolkan semangat kekeluargaan dan keprihatinan jemaah selain memperkukuh silaturahim antara jemaah dan keluarga.

Majlis berakhir dengan sesi bergambar ramai.

Majlis berkenaan bukan sahaja bertujuan sebagai merayakan kemenangan setelah sebulan berpuasa, tetapi juga mempereratkan ukhuwah dan semangat kerjasama dalam kalangan jemaah.



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di The Rizqun Coffee House anjuran Ahli Takmir masjid Universiti Brunei Darussalam (kiri dan kanan).



MINDA PEMBACA

Cabaran peluang pekerjaan untuk generasi muda

GENERASI muda hari ini menghadapi pelbagai cabaran dalam mendapatkan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan dan minat mereka. Cabaran ini semakin rumit apabila faktor seperti perubahan teknologi, kompetisi global dan ketidakstabilan ekonomi turut memberi kesan kepada pasaran pekerjaan.

Salah satu cabaran utama adalah ketidakpadanan antara kemahiran dan keperluan pasaran pekerjaan. Perubahan teknologi yang pesat menyebabkan banyak pekerjaan tradisional digantikan dengan automasi dan Kecerdasan Buatan. Walaupun ini mencipta peluang

pekerjaan baharu dalam bidang teknologi, generasi muda yang kurang pendedahan atau latihan dalam kemahiran digital menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan keperluan tersebut.

Persaingan global juga menjadi faktor penting yang menyukarkan generasi muda. Dengan munculnya pekerja jarak jauh dan syarikat antarabangsa, peluang pekerjaan kini terbuka kepada individu di seluruh dunia. Ini menyebabkan generasi muda perlu bersaing dengan calon dari pelbagai negara yang mungkin mempunyai pengalaman atau kelayakan yang lebih baik.

Selain itu, ketidakstabilan ekonomi

akibat pandemik dan faktor geopolitik telah menghadkan peluang pekerjaan dalam beberapa industri. Generasi muda sering kali menjadi golongan yang paling terkesan apabila syarikat mengurangkan tenaga kerja atau mengutamakan pekerja berpengalaman.

Namun, dalam menghadapi cabaran ini, terdapat peluang bagi generasi muda untuk berkembang. Penekanan terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan latihan semula kemahiran adalah kunci untuk memastikan mereka kekal relevan dalam pasaran pekerjaan. Selain itu, generasi muda boleh memanfaatkan teknologi untuk mencipta peluang

melalui platform *freelance*, perniagaan dalam talian atau inovasi dalam industri kreatif.

Kesimpulannya, walaupun cabaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan semakin meningkat, generasi muda mempunyai potensi untuk mengatasi halangan ini melalui pendekatan yang proaktif, fleksibel, dan berinovasi. Dengan usaha gigih, generasi muda boleh mencapai kejayaan dalam menghadapi dunia pekerjaan yang berubah-ubah.

Nama : : Za'iematul Asywaq binti Haji Marsidi
No. K/P: 01-048XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Galakkan Belia Ceburi Bidang Pertanian.' Tarikh Tutup : 16 April 2025
2. 'Bijak Memanfaatkan Media Sosial.' Tarikh Tutup : 23 April 2025
3. 'Menjamin Kesihatan, Kesejahteraan Ibu & Anak.' Tarikh Tutup : 30 April 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

TINGKATKAN KESEDARAN TENTANG BAHAYA PENGGUNAAN TEMBAKAU, 'VAPE'



ANTARA yang hadir menyampaikan taklimat pada Program Pendidikan Kesedaran Anti Tembakau dan Tatacara Tindakan Menangani Kesalahan Merokok Atau Vaping di Peringkat Sekolah di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (gambar-gambar atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. – Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-sekolah hari ini telah mengadakan Program Pendidikan Kesedaran Anti Tembakau dan Tatacara Tindakan Menangani Kesalahan Merokok Atau Vaping di Peringkat Sekolah bertempat di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Program hari ini dihadiri oleh para Pemimpin Sekolah, Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar, serta Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dari sekolah-sekolah di bawah Zon 1.

Program Pendidikan Kesedaran Anti Tembakau dan Vape merupakan salah satu inisiatif Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, untuk meningkatkan kesedaran serta membendung gejala sosial yang melibatkan kesalahan disiplin pelajar berkaitan penggunaan rokok atau vape di persekitaran sekolah.

Program ini turut dilaksanakan sebagai usaha sokongan Kementerian Pendidikan terhadap inisiatif Cross Functional Teams for Health (CFT) 2022-2025

oleh Kementerian Kesihatan, khususnya dalam menyokong salah satu tindakan utama, iaitu Giving Every Child the Best Start in Life.

Program diisikan dengan sesi

taklimat daripada Bahagian Penguatkuasa Kesihatan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi;

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Pendidikan

dan Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan.

Antara objektif utama pelaksanaan program ini adalah bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang risiko kesihatan yang berpunca daripada penggunaan tembakau dan vape dengan memberikan pemahaman mengenai kesan negatif terhadap kesihatan dan prestasi akademik iaitu melalui pendekatan bimbingan serta pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti sekolah yang berbentuk pendidikan dan kesedaran.

Selain itu juga bagi memperluaskan pemahaman khususnya kepada pelajar, ibu bapa, PIBG serta penghulu mukim dan ketua kampung mengenai garis panduan dan

tindakan pihak sekolah dalam menangani kesalahan berkaitan penggunaan tembakau dan vape.

Melalui program ini, adalah diharapkan agar pelajar, guru, ibu bapa serta seluruh warga sekolah serta masyarakat secara amnya dapat memahami peranan masing-masing dalam menangani isu disiplin di sekolah yang melibatkan kesalahan penggunaan tembakau dan vape serta tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam kesalahan tersebut.

Program yang sama turut dijadualkan untuk sekolah-sekolah di bawah Zon 3 pada 17 April 2025 bertempat di Pusat Tingkatan Enam Tutong serta bagi sekolah-sekolah di bawah Zon 2 pada 19 April 2025 di Pusat Tingkatan Enam Sengkuring.





ALAI PINTAR

SOALAN 16 APRIL 2025, RABU

SOALAN 147

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- 2005 + 76 + 8109 = _____
a) 10,190
b) 10,000
c) 10,090
- Cuaca malam ini panas. Apakah kata berlawanan bagi panas?
a) Hangat
b) Sejuk
c) Suam
- Haiwan yang manakah melahirkan anak?
a) Rama-rama
b) Ikan
c) Kucing

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

TARIKH TUTUP : 30 APRIL 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 146 :

Nama : Muhammad Harith Waliuddin bin Muhammad
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0146157. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba III

Nama : Muhammad Fakhrollah Ariffin binti Md Kharul Ariffin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0123272-01. Sekolah : Sekolah Rendah Haji Mohd Jaafar Maun Kiulap

Nama : Kaiyisah Az-Zahraa binti Khirur Rizal
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0120253-01. Sekolah : CSekolah Rendah PDNPJ Sengkarai Tutong

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 146

- C – Mesin pemotong rumput
- C – 5
- C – Menjolok

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمْ يَمَلِكْ فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرَجُ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقْضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قشعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



Dibukakan Kepada
Konsultan-Konsultan C & S
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DDS / 11 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) Civil
and Structural Engineering
Consultancy Services for Brunei
Darussalam Drainage Master
Plan, Sg Beliat and Temburong
Floodplain Management Studies.

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
13 Mei 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Jun 2025.
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
29 April 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
13 Mei 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 10 /
2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Operasi dan Kerja-Kerja
Pemeliharaan Sistem Hawa
Dingin Bagi
Bangunan Ibu Pejabat,
Jabatan Kerja Raya Untuk
Tempoh Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di dalam

Kelas:
II (II & III) sahaja

Kategori:
KA01 & E05 Sahaja
– Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 014 / 2025
– (CDE).T.II

Nama Projek:
Kerja-kerja Pemindahan Kabel
Elektrik, HV dan LV di SPG 421,
Kg Subok

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
29 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 13 Mei 2025.
Tidak lewat dari
Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
III & IV sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
9 April 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
29 April 2025.
Tidak Lewat dari
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRC 06 / 2025

Nama Projek:
Road Circulation, Drop Off / Pick
Up Area dan Letak Kereta
Sekolah Rendah Abdul Rashid
Tanjong Maya, Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q /
2024 - 40
Kontrak Bertempoh (24 Bulan)
Bagi Kerja-Kerja
Pembersihan / Pengemasan
Bagi Pos Kawalan
Sungai Tujoh:
Blok Pentadbiran, Blok
Pemeriksaan, Bangunan X-Ray,
Pondok Pemeriksaan dan
Terminal Bas, Tandas Awam dan
Perkarangan Bangunan,
Jabatan Kastam dan Eksais
Diraja, Kementerian Kewangan
dan Ekonomi

Tarikh Tutup:
Selasa, 29 April 2025.



جانبی کاجی چوایا برونی دارالسلام



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2024 / SH-17 (R)

Tawaran Bagi;
'The Supply, Delivery And
Installation Of Portable Kiosk
Display For Brunei Darussalam
Meteorological Department'

Tarikh Tutup:
Rabu,
30 April 2025.

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Aras Permukaan, Blok B23
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa, Mukim
Berakas BB3713
Negara Brunei Darussalam.



Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati
dan dikembalikan ke alamat
seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu
Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Brunei
dan Muara
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu, 17 Mei 2025,
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
+6732381408 / +6732381117



Jawatan Kosong Sebagai

**Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4 (BND3,880.00 -
BND4,240.00)**

Bagi

Daerah Brunei Dan Muara

1. Penghulu Mukim Kianggeh
2. Penghulu Mukim Mentiri

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
dengan sukacitanya mempelawa
dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di Daerah Brunei
dan Muara untuk menghadapkan
pencalonan bagi mengisikan
jawatan sebagai Penghulu Mukim
bagi mukim-mukim di Daerah
Brunei dan Muara.

Tatacara Menghadapkan Borang



Bilangan Sebut Harga:
MOFE / Q / 2025 - 2

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Pembuangan Sampah
Bangunan
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi,
Commonwealth Drive
Bagi Tempoh 36 Bulan

Yuran Tawaran / Dokumen:
Percuma

Tarikh Tutup:
Sabtu,
26 April 2025.



Bilangan Tawaran:
MOFE / UPAH / T / 2025 - 1

Tajuk Tawaran:
Term Contract (36 Months)
Janitorial Cleaning /
Housekeeping Works For
Ministry Of Finance And Economy,
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran / Dokumen:
BND100.00 bagi Yuran Tawaran
dan BND5.00 bagi Yuran
e-dokumen (Jika pihak
penender memerlukan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 29 April 2025.





Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III sahaja

Kategori:
KA01
(kod baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 005 / 2025

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja
Operasi dan Penyelenggaraan
Sistem Hawa Dingin bagi Daerah
Belait untuk tempoh 24 Bulan

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 003002-001

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
22 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Mei 2025.
Tidak lewat jam
2.00 Petang.

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III sahaja

Kategori:
KA01 & M03
(kod baharu)

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 011 / 2025

Nama Projek:
Pembekalan dan Pemasangan
Pam-Pam Pemetungan
(Wet – Well and Dry – Well Types)
di Stesen Pam Daerah Belait
– Kumpulan A.

No. Projek :
2025ADKB / 2106 /
002-003-004

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
22 April 2025.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Mei 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III sahaja

Kategori:
KA01 & M03
(Kod baharu)

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 009 / 2025

Nama Projek :
Pembekalan dan Pemasangan
Pam Submersible Baharu
untuk PAM No.1 dan No.3 di
Stesen Pam Saliran Panaga
(PS2)

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-002

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
22 April 2025.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Mei 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
22 April 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
6 Mei 2025 (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam:
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2025

Nama Projek:
Pembekalan dan Pemasangan
Komponen Pam Kontrol
dan Pam Submersible
Di Stesen Pam Saliran
Panaga (PS2)

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-001

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JPH / MYCE2025 / SH / 2544 /
2024-2025**

Pembekalan, Penyediaan
dan Penghantaran Food Packs,
Makanan Dan Minuman
On-Site Di Mangrove
Paradise Resort,
Taman Rekreasi Hutan Pulau
Selirong Dan Ibu Pejabat Jabatan
Perikanan Bagi Ekspedisi
MYCE 2025
Selama Tujuh (7) Hari,
19 – 25 Mei 2025

Dibukakan kepada pihak
syarikat (katerer / penyedia
makanan) yang berlesen,
**mempunyai Sijil Halal
dan berpengalaman
dalam kerja-kerja
penyajian makanan.**

**Yuran dan Dokumen
Sebut Harga:**
BND15.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
1 Mei 2025,
2.00 Petang



Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)

atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)

Bagi

Daerah Brunei dan Muara

1. Ketua Kampung Rimba
Kawasan 2

2. Ketua Kampung Kawasan 1,
RPN Rimba

3. Ketua Kampung Kawasan 2,
STKRJ Rimba

4. Ketua Kampung Kawasan 3
STKRJ Tungku

5. Ketua Kampung Pengkalan
Gadong

6. Ketua Kampung Beribi
Kawasan 1

7. Ketua Kampung Beribi
Kawasan 3

8. Ketua Kampung Mata-Mata
Kawasan 1

9. Ketua Kampung Mata-Mata
Kawasan 2

10. Ketua Kampung Kiarong
Kawasan 1

11. Ketua Kampung Lambak 'A'

12. Ketua Kampung Salambigar

13. Ketua Kampung
Manggis I dan II

14. Ketua Kampung Kawasan 3
RPN Lambak Kanan

15. Ketua Kampung Kawasan 6,
RPN Lambak Kanan

16. Ketua Kampung Masjid Lama,
Pekan Muara,
Sabun dan Pelumpong

17. Ketua Kampung Perpindahan
Serasa

18. Ketua Kampung Mentiri

19. Ketua Kampung Kawasan 1
RPN Panchor

20. Ketua Kampung Kawasan 5
RPN Panchor

21. Ketua Kampung Kawasan 1
RPN Mentiri

22. Ketua Kampung Kawasan 2
RPN Mentiri

23. Ketua Kampung Sungai
Lampai, Pintu Malim, Kota Batu,
Pelambayan, Datu Gandi &
Sungai Matan

24. Ketua Kampung Puduk

25. Ketua Kampung Parit
dan Tumasek

26. Ketua Kampung Kianggeh

27. Ketua Kampung
Tanjong Bunut

28. Ketua Kampung
Madewa dan Telanai

29. Ketua Kampung Zon 2
Kampung Ayer

(Kampung-Kampung Di Mukim
Saba, Kampung-Kampung Di
Mukim Peramu, Kampung

Sumbiling Lama, Kampung Ujong
Kelunik & Sungai Siamas)

30. Ketua Kampung Zon 3
Kampung Ayer (Kampung Setia

'A', Kampung Setia 'B' &
Kampung Sungai Kebun)

31. Ketua Kampung Jerudong 'A'

32. Ketua Kampung Jerudong 'B'

33. Ketua Kampung Sengkuring
'A'

34. Ketua Kampung Sengkuring
'B'

35. Ketua Kampung Kulapis

36. Ketua Kampung Selayun

37. Ketua Kampung Batong

38. Ketua Kampung Bebuloh

Adalah dimaklumkan
bahawa Jabatan Daerah
Brunei dan Muara,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk
yang bermastautin di
Daerah Brunei dan Muara
bagi kampung yang tersenarai
di atas bagi untuk menghadapkan
pencalonan bagi mengisi
jawatan sebagai Ketua-Ketua
Kampung.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut :

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Brunei
dan Muara
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah
pada Sabtu, 17 Mei 2025,
jam 4.00 petang.

Sebarang pertanyaan
bolehlah menghubungi melalui
talian +673 2381408 /
+673 2381117





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 70 / 2025 / ESTETRI PASH (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Gases To Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health OR Ministry of Development

Class / Category:
Any Class and Category

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 78 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Angiography Consumables For Radiology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Three (3) Years (Part 4)

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 79 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Angiography Consumables For Radiology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Three (3) Years (Part 3)

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 80 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Angiography Consumables For Radiology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Three (3) Years (Part 2)

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 81 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Angiography Consumables For Radiology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Three (3) Years (Part 1)

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 82 / 2025 / UPP

Keterangan:
The Supply, Delivery, Testing And Commission Fifteen (15) Units Suction Pump For Operating Theatre, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:

Bilangan Tawaran:
KK / 85 / 2025 / UPP

Keterangan:
The Supply And Delivery Cardiac Table And Bedside Locker For Internal Medicine Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
20 Mei 2025.
Tidak Lewat
Jam 12.00 Tengah Hari.



KK / 83 / 2025 / UPP

Keterangan:
The Supply, Delivery, Test And Commission Thirty (30) Units Patient Trolley For Emergency Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 84 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medical Consumables For Endocrinology Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 86 / 2025 / UPP

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medical Consumables (Continuous ECG Monitoring Device) For Department Of Cardiology, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS)

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
22 April 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 41 (R)
"To Provide Familiarization Trip For Ctrip.Com Influencer From China"

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 59
"To Provide Familiarization Trip For Adventure Influencer From Australia In May 2025"

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 60
"To Provide Familiarization Trip For Nature Influencer From United Kingdom In June 2025"

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 62
"To Provide Familiarization Trip For Birdwatching Influencer From United Kingdom in June 2025"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
24 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran 1 :
JBBSB / LTK / 2024 – 2025 / 01 / BPKB

Nama Tawaran 1:
Tawaran Penyewaan Bangunan 1, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan

Bilangan Tawaran 2:
JBBSB / LTK / 2024 – 2025 / 02 / BPKB

Nama Tawaran 2:
Tawaran Penyewaan Bangunan 2, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 15 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

1. Bilangan Sebut Harga:
(05) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Jamuan Bagi Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-73 Tahun

2. Bilangan Sebut Harga:
(06) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Voucher Bagi Pemenang Kuiz Jabatan Penerangan, Sempena Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-73 Tahun

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup: Khamis,
(17 April 2025) Jam 8.30 Pagi.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 6.2024
GOV.BN 2.0,
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC),
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

Bayaran Yuran Tawaran dan E-Dokumen Tawaran:
BND2,005.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



- 1** Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2** Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- 3** Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4** Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5** Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

Muka 8

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 7 April 1965.

Upachara Mengangkat Sumpah Ahli2 M.M.D.

TUTONG.—Satu upachara mengangkat sumpah Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Tutong telah di-adakan di-Dewan Majlis Mashuarat Daerah Tutong pada hari Sabtu 3 April, 1965.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak yang menjadi Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Tutong telah mula mengangkat sumpah.

Kemudian di-turuti oleh 12 orang Ahli2 yang di-pilih dan 2 orang Ahli2 yang di-lantek oleh Kerajaan.

Ahli2 yang di-lantek oleh Kerajaan ia-lah Awang Mohamed Daud bin Serudin dan Awang Ahmad bin Haji Ismail.

Sa-lepas itu Awang Johari telah melafadzkan satu ucapan yang berharga.

Sementara itu Pegawai Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak berkata dalam satu pertemuan dengan beliau pada hari tersebut bahawa Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Daerah Tutong, pada pagi hari Isnin 19 April, 1965.

Majlis itu, kata beliau akan di-adakan di-Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong pada pukul 8.45 pagi hari tersebut.

Waktu2 Baharu Pemancharan dan Siaran Ranchangan Radio Brunei

BANDAR BRUNEI.— Waktu pemancharan dan siaran ranchangan Radio Brunei bagi tengah hari dan malam di-Bahagian Perkhidmatan Tentera, China, Melayu dan Inggeris telah di-ubah mulai pada 4 April, 1965. Waktu baharu bagi pembukaan dan penutupan penyiaran dan gelombang meter bagi ranchangan2 dalam berbagai2 perkhidmatan ada-lah seperti berikut:

Perkhidmatan Bahagian Tentera: Dari pukul 3.45 petang hingga ka-5.30 petang pada 335 dan 61 meter.

Perkhidmatan Bahagian China: Dari 5.30 petang hingga ka-7 malam pada 335 dan 61 meter.

Perkhidmatan Bahagian Melayu: Dari pukul 6.30 petang hingga ka-pukul 7 malam pada 309 dan 242 meter dan dari pukul 7 malam hingga ka-9 malam pada 309, 242 dan 61 meter. Dari pukul 9 malam hingga ka-10.30 malam pula pada 309 dan 242 meter.

Perkhidmatan Bahagian Inggeris: Dari pukul 9 malam hingga ka-pukul 10.30 malam pada 335 dan 61 meter.

Waktu penyiaran dan gelombang meter bagi ranchangan pagi, tetap tidak berubah.

Ranchangan2 tersebut boleh di-dengar pada 309 dan 242 meter.

Pasar Gembira

BANDAR BRUNEI.— Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri telah merasmikan pembukaan Pasar Gembira anjoran Kesatuan Pemuda- Pemudi Kampong Sungai Kedayan Brunei dan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 Uga-ma Brunei, pada petang 28 Mach, 1965.

Pasar Gembira itu telah di-adakan di-tanah lapang berhampiran Panggong Boon Pang, Bandar Brunei mulai pada malam 28 Mach selama empat malam.

Tujuan di-adakan Pasar Gembira itu ia-lah untuk mengutip derma bagi menghantarkan 10 orang Wakil2 dari Persatuan2 tersebut ka-Seminar Belia2 Sa-Malaya yang akan di-adakan di-Negeri Kelantan dalam bulan ini.

Pertandingan "Talentime":

DAYANGKU MARIAM DAPAT DUA GELARAN

BANDAR BRUNEI.— Dayangku Mariam binti Pengiran Haji Metusin telah berjaya di-pilih menjadi Johan dalam pertandingan "Talentime" Bahagian Nyanyian Bersendirian dan Nyanyian Ramai yang telah di-adakan di-bawah anjoran Pertubuhan JAYCEE, Bandar Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam 4 April, 1965.

Tujuan di-adakan temasha tersebut ia-lah untuk memilih wakil2 dari Bandar Brunei untuk memasuki Pertandingan Akhir "Talentime" Kejohanan Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan ini.

Hasil dari kutipan jualan tiket yang di-perolehi di-temasha tersebut akan di-dermakan kepada

Tabong Derma pertubuhan Jaycee tempatan.

Yang Dipertua Pertubuhan Jaycee Sa-Negeri Brunei, Awang Ong Kim Kee telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 dan Pasokan2 Pancharagam yang berjaya di-temasha tersebut.

Keputusan penoh Pertandingan "Talentime" itu ada-lah seperti berikut:

Nyanyian Bersendirian: 1. Dayangku Mariam binte Pengiran Haji Metusin. 2. Mohamed Noeh Abdul Hamid. 3. Awangku Mohamed P. D. 4. Azmain Kamar Arifin. 5. Awangku Tajuddin Pengiran Manggong dan 6. A. B. Mohamed Ariff.

Nyanyian Ramai: 1. Dayangku Mariam binti Pengiran Haji Metusin dan kawan2-nya. 2. Azmain Kamar Arifin dan kawan2-nya. 3. Awangku Muhammad P. D. dan kawan2-nya.

Bahagian Bunyian Sekawan: Johan - The Devils. Naib Johan - The Hunters dan Pemenang Ketiga - Tuber Roses.

Penyanyi2 dan Pancharagam2 tersebut akan mewakili Daerah Brunei dalam Pertandingan "Talentime" Sa-Negeri Brunei.

Penuntut2 Kolej Islam Balek Belajar Sa-Lepas Berchuti Di-Brunei

BERAKAS.—Seramai 12 orang penuntut2 Brunei yang belajar di-Kolej Islam Malaya telah berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura pada petang 1 April, 1965 sa-lepas berchuti di-Tanah Ayer selama empat bulan.

Tiga orang lagi penuntut2 Brunei yang lulus dari Sekolah Arab Al-Junied, Singapura dan di-pilih untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Kolej Islam Malaya telah berangkat bersama2 dengan penuntut2 Kolej Islam dari Brunei ka-Klang.

Wakil2 Brunei Menghadhiri Persidangan E.C.A.F.E.

WELLINGTON.— Tiga orang Wakil2 Kerajaan Brunei telah tiba di-Wellington, New Zealand baharu2 ini untuk menghadiri Persidangan Sirohan Jaya Per-ekonomian bagi Asia dan Timor Jauh (ECAFE).

Mereka ia-lah Pena-sehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu ka-pada Kerajaan Brunei, Doktor J. S. Gould; Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei, Awang Othman Chua Kwang Soon dan Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.


200 Orang Penuntut2 Masok Pepereksaan Ka-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah

BANDAR BRUNEI.—Seramai 200 orang penuntut2 telah memasuki Pepereksaan ka-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, Brunei di-Daerah2 Brunei, Tutong, Belait dan Temburong pada hari Sabtu 3 April.

Menurut penerangan sa-orang Juruchakap Pejabat Pelajaran Ugama, Brunei, seramai 50 orang dari penuntut2 yang telah memasuki pepereksaan tersebut, akan di-pilih sa-bagai persediaan untuk belajar di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, Brunei.



Beberapa orang Pegawai2 dan anggota2 Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Brunei telah melawat ka-Padang Minyak Seria, atas jemputan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad baharu2 ini. Gambar ini di-ambil semasa lawatan tersebut. Gambar kiriman Awang Ali b. Haji Bakar.



Memahami jejak digital, impaknya kepada pengguna

Pendahuluan

DIGITAL Footprint atau jejak digital merujuk kepada data atau maklumat mengenai aktiviti dalam talian kita. Ianya juga merujuk kepada rekod data yang kita tinggalkan apabila menggunakan internet. Terdapat dua jenis jejak digital iaitu jejak digital aktif dan jejak digital pasif. Jejak digital aktif merujuk kepada data yang ditinggalkan dengan sengaja seperti kemas kini status atau komen-komen yang kita lihatkan dan tinggalkan di media sosial atau platform perbincangan dalam talian seperti forum, jawapan yang kita isi pada borang dalam talian untuk tujuan pendaftaran atau tinjauan. Penghantaran e-mel dan mesej dalam talian, ulasan dan maklum balas yang ditinggalkan di laman sesawang adalah juga termasuk dalam kategori jejak digital aktif. Begitu juga dengan aktiviti seperti memuat naik video, imej atau dokumen ke platform-platform dalam talian.

Untuk jejak digital pasif, ini termasuk data yang dikumpulkan tentang pengguna tanpa input langsung. Contoh jejak digital pasif adalah seperti ciri penjejakan laman sesawang yang boleh menjejaki tabiat pelayaran kita, sejarah laman-laman sesawang yang dilawati dengan penggunaan cookies, alamat IP dan penyimpanan data pada enjin carian yang akan menyimpan data-data berkenaan carian sebelum ini yang akan digunakan untuk meramal apa yang

hendak kita cari apabila kita menggunakan semula enjin carian. Selain itu, aplikasi dan peranti pintar boleh mengumpul data seperti lokasi dan identiti dalam talian pengguna seperti e-mel untuk log masuk adalah termasuk kategori jejak digital pasif.

Mengapa kita perlu peka akan jejak digital kita?

Jejak digital kita boleh mendedahkan maklumat peribadi dan jika kita tidak melindungi maklumat peribadi diri kita ia boleh mengundang bahaya ke atas diri kita dan menjadikan kita terdedah kepada penggodaman, pencurian identiti atau penipuan dalam talian. Selain itu, jika kita tidak berhati-hati apa-apa maklumat yang kita tinggalkan dalam talian boleh disalah guna untuk menjatuhkan reputasi kita atau organisasi yang berhubung kait dengan kita seperti tempat kerja, sekolah atau perniagaan kita. Perlu difikirkan juga apa yang kita kongsi dalam talian berpotensi untuk mempengaruhi peluang pekerjaan dan peluang untuk memperluaskan hubungan profesional. Kadang-kadang kita mungkin tidak sedar tetapi apa yang kita muat naik dalam talian boleh membawa kepada tindakan undang-undang atau menyebabkan salah faham jika kita tidak berhati-hati. Kita perlu peka akan pengurusan jejak digital kita dan berwaspada terhadap apa yang kongsi dengan menggunakan ciri tetapan

privasi yang kuat, dan secara berkala menyemak kehadiran dalam talian kita boleh membantu melindungi kita dari perkara-perkara tidak diinginkan.

Selain itu, ada sebilangan syarikat yang menggunakan teknologi dalam talian untuk mengumpul data pengguna dengan tujuan untuk menyasarkan iklan atau mungkin untuk menjualnya kepada pihak ketiga. Ini boleh membawa kepada penyalahgunaan dan manipulasi data di mana data kita digunakan data untuk mempengaruhi keputusan kita seperti keputusan pembelian barangan dalam talian atau keputusan berkaitan politik. Algoritma media sosial juga boleh menjejaki apa yang jenis-jenis konten yang sering kita pilih dalam talian dan akan menggunakan data ini untuk menyasarkan kandungan tertentu ke arah kita, yang boleh membawa kepada kita memilih maklumat yang berpandangan berat sebelah atau maklumat palsu.

Lindungi diri, jangan biarkan jejak digital kita disalah guna

Perlindungan data peribadi yang lemah boleh meningkatkan risiko penggodaman dan penipuan dalam talian. Dalam itu juga, penjenayah siber boleh menyalahgunakan data yang tersimpan untuk menyamar sebagai diri kita. Selain itu, syarikat-syarikat dalam talian yang tidak bertanggungjawab boleh sahaja memanipulasi dan

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

menggunakan data kita untuk menyebar maklumat palsu untuk kepentingan mereka dan mereka juga boleh menggunakan data kita dan memanipulasinya untuk mempengaruhi keputusan kita dengan menolak iklan atau kandungan yang disesuaikan. Algoritma media sosial pula boleh memperkuat pandangan khalayak online yang berat sebelah yang boleh mempengaruhi cara kita memahami keadaan sesuatu situasi.

Untuk melindungi diri kita dan agar jejak digital kita tidak disalah guna, kita perlu sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga sebelum meninggalkan aktiviti dalam talian seperti memadam sejarah tetapan pelayar dan kuki. Kita juga boleh menggunakan pelayar yang mempunyai ciri-ciri perlindungan privasi kuat dan mengubah ketetapan pelayar supaya tidak menyimpan data kita dalam talian secara automatik. Langkah seterusnya ialah memasang sambungan pelayar yang boleh menolak iklan, penjejak dalam talian, pop-ups atau elemen-elemen tidak diinginkan. Selain itu kita boleh menyelaraskan tetapan kuki untuk menyekat kuki pihak ketiga dalam pelayar yang digunakan dan juga gunakan Rangkaian Peribadi Maya (VPN) untuk menyembunyikan lokasi dan data berkenaan aktiviti kita dalam talian dan cara kita melayari internet.



OPERASI WASPADA PASTIKAN MAJIKAN PATUHI AKTA PEKERJAAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 April. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 64/2025 di Kampung Pengkalan Batu, baru-baru ini, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerja, penggal 278 dipatuhi oleh para

majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan bengkel pembaikan kereta telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerja, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 44 Membuat pemotongan gaji pekerja yang tidak dibenarkan dalam

undang-undang, Bab 72 Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, dua kesalahan di bawah Bab 112(1) Menggaji pekerja asing tanpa Lesen dari Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain dan didapati Lesen Pekerja Asing telah mansuh dan dua kesalahan Bab 112(2) Kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan tukang katok daripada pekerja kegiatan kedai jahit melakukan pekerjaan sebagai mekanik kereta dan majikan menjamin gagal memberikan pekerjaan.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerja, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak

Akta Pekerja, Penggal 278 seperti tidak membuat pemotongan gaji yang tidak dibenarkan dalam undang-undang, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, tidak menggaji pekerja asing pekerja jaminan syarikat lain serta hendaklah membaharui Lesen Pekerja Asing sebelum mansuh, pekerja hendaklah diberikan pekerjaan selaras

dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh dan majikan hendaklah bertanggungjawab memberikan pekerjaan kepada pekerja - pekerja di bawah jaminannya.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



OPERASI Waspada 64/2025 dilaksanakan di Kampung Pengkalan Batu (atas dan kanan).



Operasi Panyap kesan pelbagai kesalahan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



SEKITAR Operasi Panyap 2025 yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang menyasarkan beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan dua operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Panyap 2025 yang mana menyasarkan kepada beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara.

Adapun tujuan operasi berkenaan diadakan adalah bagi menguatkuasakan akta dan peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan termasuk Akta Anti - Peredaran Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229.

Operasi Panyap 31 / 2025 telah menyasarkan di sebuah premis salon kecantikan di Mukim Kianggeh. Hasil pemeriksaan didapati seorang warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang bagi siasatan lanjut dipercayai melakukan kesalahan Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Sementara Operasi Panyap 32 / 2025 pula menyasarkan di sebuah bangunan di Mukim Beribi dan mendapati dua warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang untuk siasatan lanjut.

Seorang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan

Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal manakala seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4) Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

JIPK turut mengongsikan dua sesi pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17.

Keterangan pendakwaan adalah Sakim, seorang lelaki warganegara Indonesia berumur 54 tahun telah pun dijatuhkan hukuman denda atas kesalahan di bawah Bab 55(1)(e) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu mengambil pekerjaan kepada sembilan warga asing yang mana lapan orang daripadanya merupakan pemegang Pas Lawatan yang mansuh dan seorang lagi merupakan pemegang Pas Kerja di bawah jaminan pembantu rumah. Bagi setiap kesalahan, individu didenda sebanyak BND3,000 yang mana membawa kepada jumlah keseluruhan hukuman denda kepada BND27,000. Walau bagaimanapun, individu gagal untuk membayar denda tersebut dan digantikan dengan pemenjaraan selama sembilan bulan. Hukuman mula berkuat kuasa pada 27 Mac 2025.

Sementara Joemar Esplana Aurellano, seorang lelaki warganegara Filipina berumur 47 tahun telah pun mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh. Individu tersebut telah pun dijatuhkan hukuman enam bulan penjara dan tiga kali sebatan. Hukuman mula berkuat kuasa pada 20 Mac 2025.

Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).






BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELOKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap



SIDANG KEMUNCAK INTERNET DI HONG KONG SERLAHKAN MASA DEPAN DIGITAL



WANG Yong, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Persidangan Perundangan Politik Rakyat China berucap pada Sidang Kemuncak Asia-Pasifik Persidangan Internet Dunia 2025 di Hong Kong, selatan China, 14 April 2025.

HONG KONG, 15 April. - Sidang Kemuncak Asia - Pasifik Persidangan Internet Dunia 2025 bermula di sini Isnin, menarik hampir 1,000 peserta dari seluruh dunia untuk meneroka pembangunan dan potensi masa depan merentasi pelbagai domain dalam teknologi digital.

Sidang kemuncak dua hari itu diadakan di bawah tema 'Integrasi AI dan Teknologi Digital Membentuk Masa Depan - Bersama Membina Komuniti dengan Masa Depan Dikongsi di Alam Siber'.

Bercakap pada sidang kemuncak itu, Wang Yong, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Persidangan Perundangan Politik Rakyat China,

berkata bahawa kerajaan China secara konsisten mengharungi era digital dengan sikap terbuka, berkongsi peluang dan faedah yang dibawa oleh pembangunan internet dengan negara-negara di seluruh dunia, termasuk di rantau Asia-Pasifik.

China bersedia bekerjasama dengan negara lain untuk mempromosikan inovasi teknologi, memperdalam pertukaran dan kerjasama, menjaga keselamatan dan kestabilan ruang siber, mewujudkan susunan tadbir urus yang baik, dan bersama-sama memajukan dunia ke arah masa depan yang cerah bagi integrasi digital dan pintar, kata Wang.

John Lee, Ketua Eksekutif

Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (HKSAR) China, berkata sidang kemuncak itu menunjukkan peningkatan peranan bandar itu sebagai hab inovasi dan teknologi antarabangsa. Ia juga mencerminkan integrasi Hong Kong yang semakin mendalam dengan pembangunan negara.

Lee berkata pada masa yang mencabar, dengan geopolitik dan hubungan perdagangan semakin tegang, kerjasama adalah penting. Hong Kong memperjuangkan perdagangan bebas dan multilateralisme, dan bersedia menawarkan pelbagai program mengalu-alukan untuk pelabur.

Zhuang Rongwen, Ketua Pentadbiran Ruang Siber China dan Pengerusi Persidangan Internet Sedunia, berkata bahawa tema sidang kemuncak itu mencerminkan matlamatnya untuk sejajar dengan trend era maklumat, memberi tumpuan kepada pembangunan dan keselamatan kecerdasan buatan, memperdalam pertukaran, memupuk konsensus, dan meningkatkan kerjasama.

Zheng Yanxiong, Timbalan Pengarah Pejabat Hal Ehwal Hong Kong dan Macau Majlis Negeri dan pengarah Pejabat Perhubungan Kerajaan Rakyat Pusat di HKSAR, berkata sebagai perintis dalam pembangunan internet, Hong Kong berfungsi sebagai "penyambung super" dan "penambah nilai super" dalam kemajuan integrasi kecerdasan digital.

Dengan bersama - sama mempromosikan pembinaan komuniti yang berkongsi masa depan di ruang siber, Hong Kong

bersedia untuk menjadi hab baharu bagi inovasi dalam teknologi, industri dan budaya internet. - ©XINHUA

Cendekiawan Indonesia puji legasi Tun Abdullah dalam tamadun Islam dan perpaduan serantau

JAKARTA, 15 April. - Bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah Ahmad Badawi merupakan tokoh penting dalam mempromosikan tamadun Islam dan perpaduan serantau, kata seorang cendekiawan Islam terkemuka Indonesia.

Memberi penghormatan kepada Perdana Menteri Malaysia kelima itu, bekas Pengerusi Pimpinan Pusat Muhammadiyah Prof M. Din Syamsuddin menzahirkan rasa dukacita yang mendalam atas pemergian Tun Abdullah, menyifatkannya sebagai "kehilangan bukan sahaja untuk Malaysia, malah untuk umat Islam sejagat dan dunia amnya."

Mengenang hubungan peribadinya dengan Allahyarham, Din Syamsuddin mengimbas kembali pertemuan pada 2014 ketika beliau mengetuai delegasi enam pemimpin kanan Islam Indonesia bertemu Tun Abdullah di Putrajaya.

Tujuan lawatan itu adalah bagi menggalakkan penyelesaian damai terhadap pertikaian wilayah Ambalat antara Indonesia dan Malaysia dengan semangat "ukhuwah Islamiyah" (persaudaraan Islam), katanya.

"Tun Abdullah yang juga mesra dengan panggilan Pak Lah menjawab serta-merta dengan menyatakan bahawa beliau akan menghubungi Presiden Susilo Bambang Yudhoyono pada keesokan harinya. Misi kami selesai dalam masa kurang seminit," katanya dalam satu kenyataan.

Din Syamsuddin berkata pertemuan itu diteruskan dengan sesi perbincangan mendalam lebih sejam berhubung gagasan Islam Hadhari oleh Tun Abdullah - pendekatan ketamadunan terhadap Islam yang menekankan pembangunan, pendidikan dan tadbir urus yang baik.

Beliau yang juga bekas Pengerusi Majlis Ulama Indonesia (MUI), berkata satu daripada pandangan Pak Lah meninggalkan kesan yang mendalam kepadanya.

"Beliau (Pak Lah) menyatakan bahawa orang Islam Arab telah menunaikan tanggungjawab sejarah mereka, begitu juga orang Parsi, Afrika Utara dan India Muslim. Kini tiba masanya bagi orang Melayu beragama Islam bangkit dan memimpin kemajuan tamadun Islam."

Din Syamsuddin menambah bahawa konsep Islam Hadhari kekal relevan dan dan harus memberi inspirasi kepada perpaduan dan pembaharuan yang lebih erat dalam kalangan umat Islam di Indonesia, Malaysia dan Brunei.

"Semoga Allah SWT mengurniakan kepada Allahyarham Abdullah Badawi keampunan, rahmat, dan syurga," katanya.

Abdullah, meninggal dunia pada usia 85 tahun di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur pada 7.10 malam Isnin. - ©BERNAMA

Perunding Jepun tolak isu mata wang dalam rundingan tarif dengan AS

TOKYO, 14 April. - Menteri Jepun yang bertanggungjawab dalam rundingan tarif dengan Amerika Syarikat (AS) pada Isnin menolak untuk membincangkan isu mata wang, dengan menyatakan bahawa perkara itu sepatutnya dibincangkan oleh Menteri Kewangan kedua-dua negara, lapor Agensi Berita Kyodo.

Menteri Pemulihan Ekonomi, Ryosei Akazawa membuat kenyataan itu di parlimen selepas rakan sejawatannya dalam rundingan itu, Setiausaha Perbendaharaan AS, Scott Bessent menyatakan di media sosial bahawa beliau menantikan penglibatan yang produktif mengenai tarif, halangan bukan tarif, isu mata wang dan subsidi kerajaan.

"Isu mata wang sepatutnya terus dibincangkan dengan teliti oleh Menteri Kewangan (Katsunobu) Kato dan (Setiausaha

Perbendaharaan) Bessent," kata Akazawa semasa sesi Jawatankuasa Belanjawan di Dewan Perwakilan.

Akazawa, yang dijangka berkunjung ke AS minggu ini untuk rundingan tarif dua hala, berkata perkara itu telah dijelaskan ketika Perdana Menteri Shigeru Ishiba bertemu Bessent pada Februari lepas semasa lawatannya ke AS untuk menghadiri sidang kemuncak dengan Presiden Donald Trump.

"Saya akan memberikan sepenuh tumpuan (dalam rundingan) untuk mengutamakan perkara yang paling sesuai dan berkesan demi kepentingan Jepun," katanya.

Ishiba telah memberi mandat kepada Akazawa untuk mengetuai rundingan tarif itu bagi menghasilkan 'keputusan terbaik' buat Jepun selepas bersetuju dengan Trump melalui

panggilan telefon untuk memulakan rundingan peringkat menteri.

Walaupun sebahagian daripada tarif 'timbang balik' sebanyak 24 peratus yang dikenakan oleh Trump ke atas barangan Jepun telah ditangguh selama 90 hari, tarif asas sebanyak 10 peratus masih kekal, sebagai tambahan kepada cukai ke ataskereta, keluli dan aluminium.

Ketua parti pembangkang utama Parti Demokratik Perlembagaan Jepun, Yoshihiko Noda memberi amaran semasa sesi jawatankuasa itu bahawa AS mungkin akan mendesak nilai dolar yang lemah di bawah pentadbiran Trump dan menyasarkan perjanjian serupa dengan Plaza Accord pada 1985 apabila ekonomi utama termasuk Jepun bersetuju untuk membantu menyusut nilai mata wang AS. - ©BERNAMA

Lapan maut dalam letupan kilang bunga api di selatan India

NEW DELHI, 14 April. - Sekurang-kurangnya lapan orang terbunuh manakala tujuh lagi cedera dalam letupan sebuah kilang bunga api di negeri Andhra Pradesh, selatan India pada Ahad.

Kejadian di sebuah kampung di daerah Anakapalle berhampiran bandar Visakhapatnam itu berlaku ketika pekerja memasukkan bahan kimia ke dalam mercun,

lapor media tempatan, memetik ketua polis Anakapalle Tuhin Sinha.

India mempunyai permintaan yang tinggi untuk mercun yang digunakan semasa perayaan dan majlis perkahwinan, tetapi barangan itu sering dihasilkan oleh pekerja bergaji rendah dalam keadaan tidak selamat di kilang sementara.

Kemalangan melibatkan tapak

pembuatan dan tempat penyimpanan bunga api bukanlah perkara luar biasa.

Seramai 21 orang terbunuh dalam satu letupan di sebuah kilang mercun di negeri barat Gujarat pada 1 April, manakala lapan sekeluarga maut di negeri timur Bengal Barat pada 31 Mac selepas mercun yang disimpan di dalam rumah mereka meletup. - ©BERNAMA

Perbicaraan kes antimonopoli terbesar terhadap Meta bermula di Washington

WASHINGTON, 15 April. - Perbicaraan terhadap syarikat Amerika Syarikat (AS) Meta dijadualkan bermula di Washington pada Isnin berhubung dakwaan monopoli haram gergasi teknologi itu terhadap platform media sosial, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Suruhanjaya Perdagangan Persekutuan AS (FTC), bagi pihak kerajaan AS, menuduh Meta membeli platform Instagram dan WhatsApp untuk menghapuskan persaingan.

Badan pemantau antimonopoli atau antitrust menuntut akibat bagi syarikat media sosial itu, termasuk pembatalan pengambilalihan itu.

Meta, yang juga memiliki Facebook, menolak tuduhan itu dengan alasan persaingan sengit dengan platform lain seperti TikTok.

Tuntutan mahkamah yang difailkan pada 2020 itu boleh berlanjutan selama bertahun-tahun, terutamanya memandangkan kemungkinan rayuan daripada mana-mana pihak.

Meta membeli Instagram pada 2012 dengan harga sekitar US\$1 bilion dan WhatsApp pada 2014 dengan harga sekitar US\$22 bilion, dengan FTC meluluskan pengambilalihan berkenaan. Sejak itu, Instagram menjadi antara penyumbang utama pendapatan Meta. - ©BERNAMA

Gempa bumi 6.5 magnitud landa selatan Kepulauan Fiji

ISTANBUL, 14 April. - Gempa bumi dengan magnitud 6.5 melanda selatan Kepulauan Fiji pada Isnin, menurut Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS).

Menurut Anadolu Ajansi, USGS melaporkan gempa bumi itu berlaku pada kedalaman 174 kilometer (108 batu).

Sistem Amaran Tsunami Amerika Syarikat menyatakan bahawa tiada tsunami dijangka berlaku. - ©BERNAMA

MEMUPUK SEMANGAT KOMUNITI, MENGGALAKKAN GAYA HIDUP SIHAT



SIDANG Media Fun Run sempena Sukan Asia Aichi-Nagoya Ke-20, Tahun 2026 yang berlangsung di The Empire Brunei.

JERUDONG, Isnin, 14 April. - Majlis Olimpik Asia (Olympic Council of Asia-OCA) dengan kerjasama Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Olympic Council - BDNOC) akan menganjurkan Fun Run sempena Sukan Asia Aichi-Nagoya Ke-20, Tahun 2026 pada esok petang.

Fun Run yang bermula dan berakhir di Indera Samudera Hall, The Empire Brunei berkenaan akan bermula pada jam 5.00 petang sejurus selepas The 2nd OCA Gender Equity

Seminar.

Perkara demikian dijelaskan oleh Naib Presiden Majlis BDNOC, Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani pada Sidang Media yang diadakan di The Empire Brunei, di sini.

Menurutnya, kira-kira 500 peserta dijemput untuk menyertai acara berkenaan dengan melibatkan pelajar sekolah, persatuan sukan kebangsaan, majlis sukan serta delegasi antarabangsa yang menghadiri seminar berkenaan.

Juga hadir semasa sidang media berkenaan, Pengarah Media dan Penyiaran OCA, Jeans Zhou Jian; Pengarah Pembangunan dan Hubungan Antarabangsa OCA, Wissam Trkmani; dan Pengarah Media dan Perhubungan Awam Jawatankuasa Penganjur Sukan Asia Ke-20 Aichi Nagoya, Inomata Yusuhiro.

Larian berkenaan bertujuan untuk mempromosi bukan sahaja Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai tuan rumah tetapi juga memupuk semangat komuniti dan menggalakkan gaya hidup



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

sihat dalam kalangan peserta.

Acara Fun Run akan dimulakan dengan sesi pemanasan badan sebelum para peserta memulakan larian mengikut kategori masing-masing.

Kategori Fun Run adalah terdiri daripada Kategori Terbuka Lelaki 2.8 kilometer (km), Kategori Terbuka Wanita 2.8km, Kategori Fun Run Kanak-kanak Lelaki Bawah 12 Tahun 1.4km, Kategori Fun Run Kanak-kanak Perempuan Bawah 12 Tahun 1.4km, Kategori Fun Run Orang Kelainan Upaya (OKU) 1.4km, Kategori Fun Run Veteran Lelaki 1.4km, Kategori Fun Run Veteran Wanita 1.4km, dan

Kategori Fun Run Delegasi Seminar 1.4km.

Semua peserta akan menerima sijil penyertaan. Selain itu, pingat akan dianugerahkan kepada 10 peserta teratas yang berjaya menamatkan larian bagi setiap kategori.

Fun Run juga berperanan sebagai pembuka tirai kepada Sukan Asia dan menyerlahkan komitmen NBD dalam mempromosi sukan dalam masyarakat.

Sidang Media berakhir dengan penghargaan kepada The Empire Brunei atas sokongan dan fasiliti yang disediakan dalam menjayakan penganjuran seminar berkenaan.

Lebih 400 peserta meriahkan Netball Funday JIS



Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 April. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) menganjurkan Netball Funday tahunannya baru-baru ini.

Lebih 400 pemain daripada lebih 40 pasukan di seluruh negara berkumpul

di kampus JIS, mewakili sekolah atau kelab mereka dalam kategori umur yang berbeza, dari U8 hingga U19.

Di samping beberapa pasukan dari JIS, antara yang ikut serta ialah dari Sekolah Hornbill, Sekolah Antarabangsa Brunei



SEKOLAH Antarabangsa Jerudong semasa menganjurkan Netball Funday (atas dan kiri).

(ISB), Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur dan beberapa pasukan dari gabungan sekolah yang berbeza.

"Netball Funday ialah peluang yang hebat untuk pemain daripada semua peringkat umur untuk berkumpul, mempamerkan

kemahiran mereka dan membina hubungan dalam komuniti bola jaring Brunei. Ia benar-benar memberi inspirasi untuk melihat dedikasi dan semangat kesukanan seperti itu dipamerkan dan kami berbangga menjadi sebahagian daripada

penyokong sukan bola jaring ini," menurut Ketua Pendidikan Jasmani dan Sukan JIS, Hasim Khan.

Acara tersebut turut dimeriahkan dengan penyertaan 24 vendor yang menjual produk eksklusif seperti aksesori buatan tangan, hiasan rumah, karya seni dan banyak lagi. Penjual makanan turut memenuhi keperluan semua hadirin, menawarkan pelbagai pilihan termasuk taco, pasta, kebab, matcha, kopi, pencuci mulut dan banyak lagi. Beberapa gerai turut dikendalikan oleh ahli komuniti JIS untuk mengumpul dana bagi inisiatif rasmi sekolah.

Sementara itu, Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan, berkata, Netball Funday meraikan komuniti dan semangat penyertaan dan seterusnya berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan acara tersebut, daripada pemain dan penyokong kepada vendor dan sukarelawan.

MAJLIS MAKAN MALAM RAIKAN DELEGASI SEMINAR

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

JERUDONG, Isnin, 14 April. - The 2nd Olympic Council of Asia (OCA) Gender Equity Seminar di Negara Brunei Darussalam (NBD) diadakan selama dua hari iaitu pada 14 dan 15 April 2025, dengan seramai 88 peserta daripada 43 National Olympic Council (NOC), 19 penceramah terdiri daripada pelbagai organisasi ternama, termasuk International Olympic Committee (IOC), United Nation Women, Oceania IOC dan International Working Group (IWG) serta 10 tetamu daripada OCA, termasuk OCA Honorary Executive

Board Members dan Ahli-ahli OCA Gender Equity Committee telah menghadiri perhimpunan penting berkenaan.

Sehubungan itu, Majlis Makan Malam telah diadakan bertempat di Royal Berkshire Hall, Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

Berangkat ke Majlis Makan Malam berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Lembaga Eksekutif Kehormat OCA dan

Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD.

Turut berangkat dan hadir ialah His Royal Highness Prince Feisal Al-Hussein, Association of National Olympic Committee (ANOC) Gender Equity Commission Chair and OCA Chair of the Peace and Sport Standing Committee; Ahli Lembaga Eksekutif OCA, Mikako Kotani OLY; dan OCA Gender Equity Chair, Valerie Tarazi OLY.

Majlis Makan Malam berkenaan telah dihoskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Lembaga Eksekutif Kehormat OCA dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berangkat ke Majlis Makan Malam berkenaan.

Seminar ketengahkan persekitaran sukan lebih inklusif

HIS Royal Highness Prince Feisal Al-Hussein, Association of National Olympic Committee (ANOC) Gender Equity Commission Chair and OCA Chair of the Peace and Sport Standing Committee dalam ucapannya.

JERUDONG, Isnin, 14 April. - Majlis Olimpik Asia (Olympic Council of Asia - OCA) menganjurkan The 2nd OCA Gender Equity Seminar di Negara Brunei Darussalam sebagai negara tuan rumah selama dua hari mulai 14 hingga 15 April 2025 bertempat di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei.

Tema seminar tahun ini ialah 'Watch Her Shine' yang bertujuan untuk memperkasa dan mempromosi kesaksamaan jantina dalam sukan di seluruh Asia.

Berangkat ke seminar tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Lembaga Eksekutif Kehormat OCA dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC).

Atur cara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ahli Lembaga Eksekutif OCA, Mikako Kotani OLY, diikuti dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Sementara itu, His Royal



Highness Prince Feisal Al-Hussein, Association of National Olympic Committee (ANOC) Gender Equity Commission Chair and OCA Chair of the Peace and Sport Standing Committee dalam ucapannya menyeru perlunya kesaksamaan jantina dalam kalangan atlet serta menangani keseimbangan jantina dalam kalangan jurulatih, pegawai, pengadil, pemimpin serta kakitangan Jawatankuasa Olimpik.

Majlis diteruskan dengan pemenang Anugerah Kejohanan Kesaksamaan Jantina, Kepelbagaian dan Inklusi (GEDI) Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) bagi Asia 2024, serta Pelan Hala Tuju Jawatankuasa Kesaksamaan Jantina OCA (OCA Gender Equity Committee Road Map) 2024 - 2027 yang disampaikan oleh Pengerusi Kesaksamaan Jantina OCA, Valerie Tarazi OLY.

Majlis diteruskan dengan seminar bertajuk 'Breaking Barriers: Advancing Gender Equity at All Sports Levels' disampaikan oleh tiga ahli panel terdiri daripada Mikako Kotani OLY, selaku Ketua Pasukan Promosi GEDI Promotion Tokyo 2020; Pengurus Pengadil Wanita Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC), Pannipar Kammueng; dan Bekas Atlet Gimnastik

Artistik Kebangsaan dan Duta Kesihatan Mental, Farah Ann OLY.

Seminar diikuti dengan IOC - GEDI Department disampaikan oleh Pengurus GEDI IOC, Pedro Dias.

Majlis turut menengahkan pembentangan daripada empat orang ahli panel dengan tajuk yang berbeza iaitu Pengurus Projek Majlis Olimpik Kebangsaan (NOC) Kyrgyzstan, Nargiza Bakeeva, dengan tajuk 'A Girl is bound by forty ties'; Pakar Hal-Ehwal Antarabangsa NOC Iran, Hadis Shokouhi, dengan tajuk 'Key Achievements of I.R. Iran NOC Women and Sport Commission'; Setiausaha Agung NOC Jordan, Rana Saeed, dengan tajuk 'Champions for Change, How Jordan is Elevating Women in Sport'; dan Suruhanjaya Atlet Wanita NOC Brunei, Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen, dengan tajuk 'Women In Sports Strategic Plan'.

Seminar diteruskan pada sesi petang dengan bengkel secara berkumpulan.

Seminar berkenaan dianjurkan dengan kerjasama BDNOC dengan sokongan logistik yang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Seminar tersebut telah dibuka kepada 45 Majlis-majlis Olimpik Kebangsaan Asia (NOCs), khususnya menyasarkan kepada Setiausaha Agung dan ahli wanita dalam sukan daripada setiap NOC.

Seramai 88 peserta daripada 43 NOC telah menghadiri perhimpunan berkenaan.

Seminar tersebut menampilkan barisan hebat 19 penceramah terdiri daripada pelbagai organisasi ternama, termasuk IOC, UN Women, Oceania IOC dan International Working Group (IWG).

Seminar turut dihadiri oleh 10 orang tetamu daripada OCA termasuk Ahli-ahli Lembaga Eksekutif Kehormat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kesaksamaan Jantina OCA.

Tokoh-tokoh terkemuka tersebut berkongsi pandangan dan pengalaman mereka tentang memajukan kesaksamaan jantina



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Lembaga Eksekutif Kehormat OCA dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berangkat ke seminar tersebut (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada seminar berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

dalam sukan.

Penyertaan mereka menggariskan komitmen OCA ke arah memupuk persekitaran sukan yang lebih inklusif untuk wanita.

Bengkel tersebut dijalankan melalui metodologi komprehensif yang direka untuk memaksimumkan pembelajaran, penglibatan dan hasil praktikal.

Selain itu, ia merangkumi satu siri pembentangan yang diketuai oleh pakar-pakar yang memberikan pengetahuan asas dan pandangan strategik tentang isu-isu keadilan jantina dalam sukan.

Selepas pembentangan tersebut, perbincangan panel yang dinamik dengan menampilkan pemimpin dan pihak

berkepentingan yang terkenal dalam kesaksamaan jantina membolehkan para peserta berkongsi pelbagai perspektif dan pengalaman.

Seminar Kesaksamaan Jantina OCA yang julung kali diadakan di Manama, Bahrain pada 2022 meletakkan satu asas untuk perbincangan masa depan mengenai kesaksamaan jantina dalam sukan.

Berdasarkan asas ini, seminar tersebut menjanjikan pengalaman yang memperkayakan semua peserta kerana mereka melibatkan diri dalam dialog bermakna dan usaha kolaboratif yang bertujuan untuk meningkatkan peluang untuk wanita dalam sukan di seluruh Asia.



UCAPAN alu-aluan daripada Ahli Lembaga Eksekutif OCA, Mikako Kotani OLY.





DUKUNG PERANAN KEPIMPINAN WANITA DALAM SUKAN



JERUDONG, Isnin, 14 April. - Inisiatif Pelan Strategik Wanita dalam Sukan yang julung kalinya diperkenalkan Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) mencerminkan langkah penting ke hadapan dalam usaha Majlis Olimpik Asia (Olympic Council of Asia-OCA) menggalakkan inklusiviti dan penyelarasan matlamat yang akan diterokai pada The 2nd OCA Gender Equity Seminar.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Lembaga Eksekutif Kehormat OCA dan Presiden BDNOC ketika berangkat dan seterusnya mengurniakan sabda pada Majlis Pembukaan The 2nd OCA Gender Equity Seminar (kanan dan kiri).

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Lembaga Eksekutif Kehormat OCA dan Presiden BDNOC bersabda demikian semasa berangkat ke Majlis Pembukaan The 2nd OCA Gender Equity Seminar, di The Empire Brunei, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda menyeru para peserta untuk fokus pada hasil yang boleh diambil tindakan dalam membina perkongsian,

membangunkan inisiatif dan mewujudkan persekitaran norma bagi kesaksamaan jantina di masa hadapan, sepanjang dua hari seminar diadakan.

DYTM juga bersabda menyeru dalam memastikan atlet wanita mempunyai peluang untuk menyerlah dengan cara mereka sendiri dan mencipta laluan bagi peranan kepimpinan mereka dalam sukan, bukan sahaja sebagai pemain.

"Sukan juga mempunyai kuasa yang besar bagi memperkasa individu, memupuk kepimpinan dan membina komuniti yang lebih kuat," sabda DYTM.

Tema seminar iaitu 'Watch Her Shine', sabda DYTM, bukan sekadar meraikan atlet wanita tetapi juga sebagai dorongan bagi memacu perubahan sebenar dalam memastikan wanita mendapat sokongan dan peluang untuk berjaya dalam sukan.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

WELCOME DELEGATES

2nd OCA Gender Equity Seminar 2025



DYTM seterusnya bersabda, Jawatankuasa - jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (NOCs) boleh memainkan peranan penting dengan memanfaatkan Dana OCA/OS bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam sukan di semua

peringkat.

DYTM juga bersabda menekankan mengenai keperluan bagi mengiktiraf kepentingan rakan sekutu lelaki dalam usaha ini dan sokongan mereka bagi perubahan budaya yang berkekalan.

Acara Fun Run mempromosi Sukan Asia edisi ke-20



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Lembaga Eksekutif Kehormat OCA dan Presiden BDNOC berangkat menyertai acara Fun Run sempena Sukan Asia Aichi-Nagoya Ke-20, Tahun 2026.

JERUDONG, Selasa, 15 April. - Majlis Olimpik Asia (Olympic Council of Asia - OCA) dengan kerjasama Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Olympic Council - BDNOC) telah menganjurkan acara Fun Run sempena Sukan Asia Aichi-Nagoya Ke-20, Tahun 2026 yang diadakan di Indera

Samudera Grand Hall, The Empire Brunei.

Berangkat menyertai acara berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ahli Lembaga Eksekutif Kehormat

OCA dan Presiden BDNOC.

Turut berangkat ialah His Royal Highness Prince Feisal Al-Hussein, Association of National Olympic Committee (ANOC) Gender Equity Commission Chair and OCA Chair of the Peace and Sport Standing Committee.

Turut menyertai acara berkenaan ialah Ahli Lembaga

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Eksekutif OCA, Mikako Kotani OLY dan OCA Gender Equity Chair, Valerie Tarazi OLY.

Acara diadului dengan sesi senamrobik, diikuti dengan pelancaran rasmi Fun Run yang dibahagikan kepada beberapa kategori.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan melancarkan acara Fun Run bagi Kategori Fun Run Kanak - kanak Lelaki Bawah 12 Tahun 1.4 kilometer (km), Kategori Fun Run Kanak-kanak Perempuan Bawah 12 Tahun 1.4km serta Kategori Fun Run Orang Kelainan Upaya (OKU) 1.4km.

Manakala His Royal Highness Prince Feisal Al - Hussein melancarkan Kategori Fun Run Veteran Lelaki 1.4km dan Kategori Fun Run Veteran Wanita 1.4km serta Kategori Fun Run Delegasi Seminar 1.4km.

Sementara Mikako Kotani pula melancarkan bagi Kategori Terbuka Lelaki 2.8km dan

Kategori Terbuka Wanita 2.8km.

Acara Fun Run berkenaan bertujuan untuk mempromosi Sukan Asia edisi ke-20 serta memupuk semangat komuniti dan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Ia turut bertindak sebagai kesinambungan kepada The 2nd OCA Gender Equity Seminar yang diadakan di Negara Brunei Darussalam.

Kira-kira 500 peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah, wakil persatuan sukan, majlis-majlis sukan dan peserta antarabangsa telah mengambil bahagian dalam acara berkenaan.

Setiap peserta menerima sijil penyertaan, manakala 10 penamat terbaik bagi setiap kategori menerima pingat yang disampaikan oleh Ahli Lembaga Eksekutif OCA.

Sukan Asia Ke-20 dijadualkan akan berlangsung pada 19 September hingga 4 Oktober 2026 di Wilayah Aichi, Nagoya, Jepun.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERJIMAT CERMAT, BERSEDERHANA DALAM BERBELANJA